

## BAB II

### NILAI-NILAI UTAMA TERHADAP KONSEP 'JADI ORANG' DALAM PERIBAHASA DAN PANTUN MELAYU

#### 2. 1 Pendahuluan

Setiap masyarakat seperti dibincangkan dalam bab I, mempunyai sistem nilai terhadap manusia dan 'jenis personaliti unggul' (ideal personality type) tersendiri. Masyarakat Melayu juga mempunyai konsep 'jenis personaliti unggul' (ideal personality type) ini, iaitu konsep 'jadi orang'. Mereka memiliki nilai-nilai tersendiri terhadap konsep 'orang' dan melaluinya masyarakat Melayu menilai seseorang individu sama ada dia memiliki ciri atau unsur 'ideal personality type' atau tidak. Lantaran itu, masyarakat Melayu menggunakan nilai-nilai ini untuk membentuk personaliti seseorang kanak-kanak. Setiap individu yang berjaya melalui proses ini dengan baik dinamakan telah 'jadi orang'.

Dalam bab ini, pengkaji meneliti tentang nilai-nilai yang mempengaruhi pandangan dunia (world-view) masyarakat Melayu khususnya terhadap konsep 'orang' yang terjelma dalam ungkapan-ungkapan Melayu seperti peribahasa dan pantun. Matlamat penyelidikan tentang ungkapan-ungkapan Melayu ini ialah mengumpul nilai-nilai umum yang terserap ke dalam pemikiran orang Melayu terhadap konsep 'jadi orang'. Untuk memenuhi tujuan ini, pengkaji membahagikan nilai-nilai Melayu terhadap konsep 'orang' kepada enam kategori, iaitu (i) nilai ekonomi, (ii) nilai ilmu, (iii) nilai kuasa, (iv) nilai perpaduan, (v) nilai estetik dan (vi) nilai agama. Setiap kategori dibahagikan pula kepada sub-kategori mengikut kesesuaiannya. (Lihat Rajah 2-1)

## 2. 2 Nilai Ekonomi

Setiap individu dalam masyarakat mesti melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi demi meneruskan kehidupan sendiri dan juga memenuhi tanggungjawab terhadap keluarga. Oleh yang demikian, nilai ekonomi tidak boleh diketepikan daripada ciri-ciri 'orang'. Dalam konteks ini, nilai ekonomi bermakna kedudukan ekonomi atau pemilikan harta benda, penggunaan harta dan juga sikap rajin dan berusaha.

### 2. 2. 1 Harta Benda

Peribahasa-peribahasa berikut menggambarkan kriteria terhadap ciri-ciri 'jadi orang' dari segi harta benda atau keadaan ekonomi ;

'Sungguh ada ringgit berkopal, Kalau tak berbudi apa gunanya'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 87)

'Daripada cempedak baik nangka, daripada tidak baiklah ada'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 72)

'Ada nyawa ada rezeki'. (Abdullah Hussain, 1989 : 2)

'Sedikit-sedikit tekun lama-lama menjadi bukit'.  
(Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992 : 237)

'Tepungnyapun dia mahu, kuihnya pun dia mahu'.  
(Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992 : 160)


'Menerima panjang tangan, menghulur sekali belum'.  
(Abdullah Hussain, 1989 : 142)

'Orang kedekut tak pernah kenyang'. (Tenas Effendy, 1989 : 189)

'Kalau boros lekas kerugian'. (Abdullah Hussain, 1989 : 99)

Rajah 2-1 : Pengkategorian nilai-nilai terhadap konsep 'jadi orang' mengikut pendapat Takdir Alisjabana.

— hubungan (interaksi) secara langsung  
 - - - - hubungan (interaksi) secara tidak langsung



Peribahasa-peribahasa ini menerangkan kriteria Melayu terhadap 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi pemilikan dan penggunaan harta benda seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang memiliki budi bahasa selain dari kekayaan, (ii) 'orang' adalah seseorang yang bersikap jimat-cermat dan tekun, (iii) seseorang tamak adalah orang yang 'tidak jadi orang', (iv) seseorang yang bersifat kedekut juga 'tidak jadi orang', (v) seseorang yang bersikap boros pun 'tidak jadi orang'. Sementara itu, terdapat juga peribahasa yang menerangkan latar belakang pemikiran dan nilai-nilai Melayu terhadap ciri-ciri 'orang' iaitu 'orang' tidak mengutamakan harta benda tetapi tidak menolak kesenangan dan kekayaan.

Pada pandangan orang Melayu, unsur material seperti harta benda atau kekayaan dalam dunia ini menduduki tempat tinggi dari segi nilai ekonomi. Oleh yang demikian, orang Melayu tidak menolak kekayaan atau kesenangan yang diperolehnya melalui usaha sendiri seperti digambarkan dalam ungkapan 'daripada cempedak baik nangka, daripada tidak baiklah ada'. Ungkapan ini menjelaskan bahawa kalau seseorang mempunyai harta atau kekayaan, itu adalah lebih baik kerana kalau tidak mereka akan mengalami kesusahan dan hidup miskin. Nilai-nilai Melayu, melalui ungkapan tersebut, menyatakan bahawa keadaan berharta (atau hidup senang) itu merupakan harapan umum setiap manusia. Walaupun harapan untuk menjadi orang senang adalah salah satu harapan manusia sejagat, itu tidak bermakna pemilikan harta benda merupakan matlamat utama. Sebaliknya unsur-unsur lain seperti budi, ilmu dan agama lebih diutamakan untuk menilai seseorang individu. Keutamaan ini ternyata dapat difahami dalam ungkapan Melayu berbunyi 'sungguh ada ringgit berkapal, kalau tak berbudi apa gunanya'. Ungkapan ini menyatakan tentang sistem nilai Melayu bahawa walaupun seseorang mempunyai harta benda yang banyak, kalau dia tidak 'berbudi', orang tersebut tidak memenuhi syarat untuk 'jadi orang' yang baik dalam sistem nilai Melayu.

Sistem nilai sedemikian boleh dihuraikan oleh kepercayaan orang Melayu terhadap rezeki kerana kepercayaan tersebut merupakan asas untuk nilai-nilai dan sikap orang Melayu terhadap harta benda. Menurut kepercayaan Melayu, setiap orang individu dilahirkan bersama dengan rezekinya sendiri. Peribahasa 'ada nyawa ada rezeki' menunjukkan kepercayaan Melayu terhadap rezeki seseorang. Berdasarkan kepercayaan ini, ungkapan tersebut menerangkan sikap orang Melayu bahawa orang miskinpun tidak perlu bimbang tentang makanan untuk meneruskan hidup, kerana walaupun keadaannya susah, seseorang itu tidak mati dalam kelaparan kerana Tuhan telah menyediakan rezeki untuk setiap orang. Dalam konteks ini unsur harta benda ini berhubung kait dengan nilai agama yang merangkumi kepercayaan terhadap rezeki, takdir dan sebagainya.

Berdasarkan fahaman tersebut, didapati nilai-nilai Melayu tidak menggesa ahli-ahlinya mengejar kekayaan sahaja sebaliknya nilai-nilai Melayu memberi panduan kepada orang Melayu supaya tidak bersikap tamak dan haloba dalam pengurusan harta benda. Nilai-nilai Melayu sangat menghargai sifat jimat-cermat dan sifat sederhana dalam perbelanjaan. Justeru itu, seseorang individu dinasihati supaya berjimat-cermat dalam perbelanjaan atau pengurusan harta. Ungkapan 'sedikit-sedikit tekun lama-lama menjadi bukit' menggambarkan kesenangan atau kejayaan seseorang yang dicapai melalui sifat jimat-cermat serta tekun.

Sementara itu, terdapat beberapa ciri yang menyebabkan seseorang individu 'tidak jadi orang' kerana dia mempunyai sifat yang berlawan dengan sifat 'orang' dari segi ekonomi, iaitu sifat tamak, kedekut dan boros. Sistem nilai Melayu menganggap sifat tamak sebagai sifat yang terlalu ingin mempunyai sesuatu benda dan menggambarkan orang tamak sebagai orang selalu mencari keuntungan diri sendiri dan dia boleh melakukan apa jua tindakan untuk mendapat sesuatu yang diidamkan dan tidak berhenti-henti melakukannya sehingga dia berjaya mendapat

sesuatu yang diingini. Malah dia tidak pernah berpuas hati dengan apa yang diberikan kepadanya. Sifat tamak ini dilihat melalui peribahasa 'tepungnya pun dia mahu, kuihnya pun dia mahu'. Ungkapan ini menggambarkan sifat tamak seseorang yang ingin memiliki sebanyak mungkin keuntungan sungguhpun dia telah diberi sesuatu yang memadai keperluan sendiri. Sifat tamak ini sangat keji kerana ia boleh mengganggu ketenteraman orang lain dan menjejaskan hubungan baik di antara anggota masyarakat. Orang yang bersifat tamak selalu berubah sikap menurut keadaan, misalnya dia akan berbuat baik dan bermuka manis apabila dia memerlukan sesuatu daripada orang lain, sebaliknya dia berasa keberatan apabila dikehendaki memberi sesuatu kepada orang lain. Ungkapan 'menerima panjang tangan, menghulur sekali belum' menunjukkan tingkah laku orang tamak. Ungkapan ini menjelaskan sifat tamak dan kedekut seseorang yang berbuat baik kepada orang lain untuk mendapat sesuatu tetapi enggan memberi sesuatu barang atau bantuan kepada orang lain. Orang kedekut enggan menggunakan sesuatu barang atau memberi sesuatu kepada orang lain walaupun penggunaan atau pemberiannya adalah perkara yang patut. Orang kedekut ini tidak pernah puas menikmati kesenangan atau kekayaan walaupun dia memiliki harta yang mencukupi untuk hidup senang. Ungkapan 'orang kedekut tak pernah kenyang' menjelaskan keadaan tersebut.

Selain dari sifat tamak dan kedekut, sifat boros juga dipandang rendah. Boros adalah sikap yang membazir dan berbelanja lebih daripada kemampuan sendiri. Nilai-nilai Melayu menegaskan orang boros membelanjakan atau mengguna secara berlebihan daripada apa yang diperlukannya. Akhirnya dia membazirkannya dan kehilangan apa yang dia miliki. Ungkapan 'kalau boros lekas kerugian' merupakan peringatan kepada orang Melayu bahawa seseorang yang boros, walaupun dia kaya raya, harta yang dimilikinya tidak tahan lama. Maka dia akan mengalami kesusahan. Ini bermakna seseorang yang memiliki harta benda yang banyak itu tidak boleh menggunakan sesuka hati, sebaliknya dia harus

menggunakan harta tersebut dengan bijak supaya mendatangkan kebaikan diri sendiri dan juga orang lain. Oleh itu, ungkapan-ungkapan tersebut menasihati orang Melayu supaya tidak membazir, tidak boros, tidak tamak dan tidak kedekut dalam pengurusan harta benda. Sebaliknya mereka menggalakkan perbelanjaan yang sederhana dan berjimat-cermat.

## **2. 2. 2 Usaha dan Rajin**

Terdapat beberapa peribahasa dan pantun yang menggambarkan kriteria-kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi ciri-ciri berusaha dan rajin. Di samping itu, peribahasa dan pantun memberi panduan dan nasihat yang berkaitan dengan sifat rajin dan berusaha untuk menjadi 'orang'. Di antara peribahasa dan pantun yang mengandungi kriteria dan panduan untuk 'jadi orang' adalah seperti berikut ;

'Dari Pulau Tambun ke Pekan,  
Menggunakan tenaga nelayan ;  
Tekun dan sabar asas kejayaan,  
Rajin dan usaha (asas) kesenangan'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 153)

'Ringan tulang, berat perut'. (Hamilton, 1955 : 69)

'Berakit-rakit ke hulu,  
berenang-renang ketepian,  
bersakit-sakit dulu,  
bersenang-senang kemudian'. (Abdullah Hussain, 1989 : 34)

'Berjalan sampai ke batas,  
berlayar sampai ke pulau'. (A. Samad Idris, 1989 : 29)

'Pijak galah sambil berlari,  
Rupanya hujung sudah patah,  
Banyakkan usaha kepada diri,  
Masa diri muda dan mentah'. (Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 197)

'Tanam cempedak, tumbuh nangka'.  
 (Muhammad Yusof Mustafa, 1965 : 309)

'Jangan gergaji pokok tals, nanti lesung dimakan pahat,  
 jangan menjadi orang malas, perut kosong badan tak sihat'.  
 (Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 143)

Berdasarkan peribahasa-peribahasa dan pantun-pantun tersebut, pengkaji mendapati kriteria-kriteria orang Melayu terhadap ciri-ciri 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi sikap rajin dan berusaha seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang bekerja dengan tekun dan rajin supaya berjaya dalam kehidupan serta menikmati kesenangan, (ii) 'orang' adalah seseorang yang bersifat rajin dan dia akan menikmati kesenangan pada akhirnya kerana sikap rajinnya, (iii) 'orang' adalah seseorang yang berusaha dan menahan kesusahan dengan tabah untuk mencapai matlatmatnya, (iv) 'orang' adalah seseorang yang berusaha sedaya upaya dalam kehidupan dan (v) ciri-ciri 'tidak jadi orang' adalah sifat malas kerana ia menyusahkan diri sendiri, mendatangkan kesusahan dan kemiskinan kepada pelaku. Berdasarkan kriteria-kriteria tersebut terhadap 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang', peribahasa dan pantun juga memberi panduan dan nasihat kepada orang Melayu supaya mencapai tahap 'jadi 'orang', iaitu (i) seseorang harus berusaha pada masa muda untuk menjadi 'orang' serta untuk kebaikan sendiri, (ii) nilai-nilai Melayu tidak menghargai untung atau hasil yang lumayan tanpa usaha.

Satu unsur lain yang diutamakan dalam nilai ekonomi adalah berusaha dan rajin kerana unsur-unsur ini boleh mendatangkan bukan sahaja kejayaan tetapi juga kesenangan dan kekayaan. Nilai-nilai Melayu menegaskan pentingnya unsur berusaha dan rajin ini dalam pencapaian kejayaan seperti disebut dalam pantun 'dari Pulau Tambun ke Pekan, menggunakan tenaga nelayan, tekun dan sabar atas kejayaan, rajin dan usaha (atas) kesenangan'. Ungkapan ini bermakna bahawa seseorang yang bekerja dengan tekun dan sabar akan berjaya dalam kehidupannya

sementara seseorang yang rajin dan berusaha akan menikmati kesenangan. Empat sifat tersebut merupakan syarat utama untuk mencapai kejayaan dan kesenangan. Pada masa yang sama, nilai-nilai Melayu mementingkan hasil yang diperolehi dari kerajinan seseorang. Ganjaran daripada usaha dan rajin adalah kepuasan hati, rezeki yang mencukupi dan kesenangan. Peribahasa 'ringan tulang, berat perut' menjelaskan kesenangan seseorang selepas dia berusaha dan berkerja dengan rajin di mana hasil yang berharga hanya diperolehi melalui titik peluh sendiri.

Seseorang boleh juga mendapati hasil yang lumayan tanpa berusaha atau bekerja dengan rajin kerana nasibnya baik. Ungkapan 'tanam cempedak, tumbuh nangka' menyatakan keadaan seseorang yang mendapat hasil yang jauh lebih banyak bukan daripada usaha sendiri. Walaupun ungkapan tersebut menyatakan keadaan senang atau hasil yang lumayan, hasil tersebut tidak sama nilainya dengan hasil dari usaha sendiri. Apa yang ditegaskan di sini adalah pentingnya sikap berusaha dengan bersungguh-sungguh sambil menahan kesusahan untuk mencapai sesuatu yang dihajatinya. Kerana hasil dari kerja keras adalah hasil yang paling berharga maka seseorang yang bekerja keras dan rajin akan dibalas dengan hasil yang baik. Pandangan ini digambarkan dalam pantun 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dulu, bersenang-senang kemudian'.

Selain daripada usaha bersungguh-sungguh, percubaan sedaya upaya seseorang sangat dihargai. Ertinya, apabila seseorang memulakan sesuatu kerja, dia hendaklah menyelesaikan kerja itu dengan sempurna. Nilai-nilai ini ternyata dalam ungkapan 'berjalan sampai ke batas, berlayar sampai ke pulau'. Ungkapan ini menggambarkan sikap 'orang' yang berusaha dengan bersungguh-sungguh dan tidak berhenti sehingga dia mencapai matlamatnya. Orang Melayu juga dinasihati supaya bekerja dengan tekun kerana seseorang yang bersifat sedemikian boleh berjaya dalam bidang pekerjaannya. Nasihat ini secara khusus ditujukan kepada golongan muda kerana golongan ini mempunyai potensi yang tinggi untuk meningkatkan

kedudukan melalui usaha dan kerajinan sendiri. Ungkapan 'pijak galah sambil berlari, rupanya hujung sudah patah, banyakkan usaha kepada diri, masa diri muda dan mentah' merupakan panduan untuk orang muda yang berpotensi besar supaya mereka berusaha untuk menjayakan diri sendiri.

Unsur yang berlawan dengan usaha dan rajin adalah sifat malas. Sifat ini tidak mendatangkan keuntungan kepada seseorang. Sebaliknya ia menyebabkan kesusahan, kemiskinan atau kemunduran. Oleh itu, sifat malas ini dianggap tidak berguna kepada seseorang individu maupun masyarakat. Sifat malas ini dipandang rendah kerana masyarakat Melayu mementingkan sifat rajin yang menghasilkan pulangan yang baik, tetapi sifat malas ini bukan sahaja tidak berguna tetapi mendatangkan kerugian dan kesesuaian kepada individu sendiri dan juga kepada masyarakat. Jadi orang malas akan mengalami banyak kesusahan seperti lapar, tidak berharta, tidak berilmu dan tiada kepandaian. Ungkapan 'jangan gergaji pokok talas, nanti lesung dimakan pahat, jangan menjadi orang malas, perut kosong badan tak sihat' memberi amaran bahawa orang malas akan menjadi miskin dan mengalami kesusahan dalam hidup sendiri.

### **2. 2. 3 Penggunaan**

Peribahasa dan pantun berikut menyatakan kriteria 'jadi orang' dari segi penggunaan yang bijak dalam pelbagai situasi.

'Yang pekak pembakar meriam.  
 Yang buta mengembus lesong.  
 Yang lumpuh penghalau ayam.  
 Yang pekong penjemuran.  
 Yang kurap pemikul buluh'.(Brown, 1951 : 67)

'Menjemur sementara hari panas'.(Brown, 1951 : 148)

'Hari baik (pagi) dibuang-buang, hari buruk (petang) dikejar- kejar'.  
(Brown, 1951 : 79)

Berdasarkan peribahasa dan pantun tersebut, didapati kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta nasihat supaya menjadi 'orang' dengan memiliki ilmu penggunaan yang bijak. Kriteria-kriterianya seperti berikut (i) 'orang' adalah orang yang pandai menggunakan kekuatan sendiri untuk menyumbangkan kepada masyarakat atau orang lain, (ii) 'orang' adalah orang yang menggunakan masa dan peluang baik dengan bijak untuk mendapat hasil yang lebih baik dan (iii) seseorang yang membuang masa dan melepaskan peluang baik adalah orang yang 'tidak jadi orang'.

Unsur ini berkaitan dengan penggunaan yang berkesan, berfaedah, bermanfaat dan mendatangkan keuntungan atau hasil yang baik. Setiap orang dan setiap barang mempunyai kelebihan dan kemampuan tersendiri. Yang penting ialah bagaimana seseorang individu menggunakan hak miliknya dengan bijak tanpa mensia-siakannya supaya mendatangkan kebaikan dan kemajuan kepada diri sendiri dan juga kepada masyarakat yang dianggotainya. Oleh yang demikian sesuatu benda yang kecil atau seseorang yang tidak pandai pun ada gunanya dalam keadaan tertentu. Walaupun seseorang individu mempunyai kekurangan, dia boleh mendatangkan manfaat sekiranya dia pintar mengoptima bakat atau potensi diri sendiri dan menggunakan potensinya dengan betul. Di sini nilai-nilai Melayu menghargai bukan sahaja kelebihan seseorang, tetapi juga penggunaan kemampuan diri sendiri secara bijaksana demi kebaikan diri dan masyarakat. Ungkapan 'yang pekak pembakar meriam, yang buta mengembus lesong, yang lumpuh penghalau ayam, yang pekong penjemuran, yang kurap pemikul buluh' menggambarkan pandangan Melayu terhadap isu ini.

Unsur penggunaan ini juga merangkumi penggunaan masa dan peluang dengan bijaksana kerana unsur-unsur tersebut juga sangat berpengaruh ke atas kejayaan sesuatu kerja. Orang yang bertindak pada masa yang tepat boleh memperolehi keuntungan kerana kemungkinan besar dia mendapat lebih banyak peluang untuk mencapai sesuatu kerana kebijaksanaan dalam mengguna dan mengurus masa. Ungkapan 'menjemur sementara hari panas' menegaskan bahawa seseorang harus menggunakan suatu benda khususnya masa selagi ia berguna dan berkesan supaya meningkatkan hasil yang lebih baik. Sebaliknya orang yang sengaja membuang masa akan menyesal kerana dia akan menghadapi kesuntukan masa dan mendapat kerugian. Dengan kata lain, orang yang tidak bijak menggunakan masa, misalnya malas melakukan sesuatu pada masa yang sesuai atau selalu menangguhkan perkerjaan, akan ketinggalan atau mengalami kerugian. Ungkapan 'hari baik (pagi) dibuang-buang, hari buruk (petang) dikejar-kejar' menggambarkan orang yang selalu menangguhkan kerja dan membuang masa yang baik dengan sia-sia dan berusaha pula pada masa yang tidak sesuai.

Dalam nilai-nilai Melayu terhadap 'orang' dari segi ekonomi, harta benda penting juga dari segi material kerana ia menyebabkan kesenangan dan keselesaan kepada seseorang. Pada masa yang sama nilai non-material seperti sifat rajin, usaha, penggunaan yang bijak juga sangat dititikberatkan kerana ia mendatangkan kejayaan dan kesenangan. Terdapat beberapa faktor yang diperlukan supaya seseorang individu dianggap sebagai 'orang' dalam sistem nilai khususnya dari segi ekonomi, iaitu sifat rajin, usaha dan pandai menggunakan masa, kelebihan dan harta benda. Sistem nilai Melayu lebih pentingkan cara atau kaedah untuk mencapai sesuatu kejayaan daripada hasil yang dimilikinya. Misalnya, nilai-nilai Melayu lebih menekankan penggunaan harta dengan bijaksana daripada kekayaan yang dimiliki oleh seseorang apabila menilai seseorang individu. Selain itu, penggunaan kemampuan dengan berkesan lebih dihargai daripada kemampuan sendiri. Walaupun unsur-unsur tersebut merupakan ciri-ciri individu, seorang 'orang' yang

memilikinya bukan sahaja menjayakan diri sendiri tetapi juga menggunakan sifat-sifat itu demi kebaikan masyarakat. Dengan kata lain, seseorang individu dinilai bukan berdasarkan kemampuan individu, tetapi berdasarkan sumbangannya kepada masyarakat. Dalam konteks ini nilai-nilai tersebut sangat berkaitan dengan nilai perpaduan yang merangkumi nilai kerjasama, tanggungjawab, penyumbangan dan sebagainya.

## **2. 3 Nilai Ilmu**

Setiap individu dalam masyarakat harus mempelajari pelbagai perkara termasuk ilmu pengetahuan, kemahiran dan peraturan supaya dia dapat menjalani kehidupan dengan sempurna. Dengan adanya ilmu, seseorang individu boleh menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran, menghadapi cabaran dan menyelesaikannya. Oleh itu, nilai ilmu adalah nilai yang berkaitan dengan budi bicara, penggunaan akal serta pendidikan demi meningkatkan kedudukan individu ke tahap 'orang'. Terdapat tiga unsur dalam nilai ilmu, iaitu unsur ilmu, akal atau daya berfikir dan pengalaman.

### **2. 3. 1 Ilmu**

Terdapat peribahasa dan pantun yang menyatakan kriteria-kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi ilmu pengetahuan dan pendidikan. Pada masa yang sama peribahasa dan pantun ini memberi panduan dalam menuntut ilmu seperti berikut :

'Empat sudah bersimpul satu'. (Abdullah Hussain, 1989 : 71)

'Tajam pisau kerana diasah'. (Abdullah Hussain, 1989 : 206)

'Berani kerana benar, takut kerana salah'. (A. Samad Idris, 1989 : 197)

'Bergurindam di tengah rimba'. (Mohd. Adnan Mohd Ariffin, 1992 : 13)

'Bertanya supaya tahu,  
berjalan supaya sampai'. (Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 74)

'Belayar bernakhoda,  
berjalan dengan yang tua,  
berkata dengan yang pandai'.  
(Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 55)

'Guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari'. (Brown, 1951 : 12)

'Kasihkan anak tangan-tangankan, kasihkan bini tinggal-tinggalkan'.  
(Mohd. Adnan Mohd Ariffin, 1992 : 71)

'Pada tatkala rebong tiada dipatah,  
ketika sudah menjadi aur apa gunanya ?' (Hose, 1933 : 125)

Berdasarkan peribahasa-peribahasa tersebut didapati kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan dan nasihat untuk 'jadi orang' seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang memiliki ilmu pengetahuan serta akal, kemahiran dan sikap berusaha, (ii) 'orang' bersikap berani dan meyakinkan pada tindakan diri sendiri kerana ilmu yang dimilikinya, (iii) 'orang' memiliki keilmuan, kebijaksanaan dan kemahiran melalui pendidikan yang wajar dan (iv) seseorang yang mesia-siakan keilmuan atau kemahiran sendiri adalah orang yang 'tidak jadi orang'. Selain itu, panduan atau nasihat untuk 'jadi orang' dari segi ilmu adalah seperti berikut (i) seseorang harus berinisiatif dan agresif untuk menunut ilmu, (ii) seseorang harus mencari guru yang baik untuk dibimbing dan dipimpin dengan lebih berkesan, (iii) seseorang guru atau orang dewasa harus menunjuk teladan yang baik kepada kanak-kanak, (iv) ibu bapa perlu menggunakan cara yang keras dalam pengasuhan anak untuk kebaikan anak dan (v) pendidikan yang betul harus diberi kepada kanak-kanak pada masa kecil.

Unsur ilmu ini meliputi mencari ilmu, menuntut ilmu, belajar dan berpengetahuan. Orang Melayu menyatakan bahawa setiap individu harus belajar pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran kerana seorang manusia dilahirkan dengan keadaan yang tidak sempurna dari segi ilmu. Oleh itu manusia harus belajar segala ilmu pengetahuan, peraturan dan kemahiran supaya menyesuaikan diri dengan keadaan dan menjalankan hidup dengan baik dan juga mencapai kejayaan dalam kehidupannya sendiri. Berdasarkan itu, sistem nilai Melayu menekankan usaha untuk mendapat ilmu pengetahuan. Seorang yang mahu menjadi 'orang' dikehendaki berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pembelajarannya supaya mendapat ilmu pengetahuan yang sebanyak dan sedalam mungkin daripada orang yang lebih bijak dan berpengalaman. Ungkapan 'bertanya supaya tahu, berjalan supaya sampai' menegaskan bahawa sikap seseorang semasa belajar sangat berpengaruh ke atas pembelajaran atau pendidikan seseorang individu. Oleh itu seseorang individu mesti mengetahui kekuatan dan kelemahan diri sendiri lalu menggunakan segala kemudahan di sekelilingnya supaya belajar sesuatu dengan lebih berkesan. Ungkapan 'belayar bernakhoda, berjalan dengan yang tua, berkata dengan yang pandai' bermaksud bahawa apabila seseorang hendak belajar atau mencuba sesuatu, mesti ada seorang guru atau orang yang lebih pandai atau berpengalaman untuk membimbingnya.

Berhubung dengan ilmu pengetahuan, nilai-nilai Melayu juga sangat mementingkan pendidikan anak. Tujuan pendidikan adalah menjadikan kanak-kanak 'orang' yang memiliki ciri-ciri manusia yang diidamkan. Dalam konteks ini, mendidik bererti menanam nilai-nilai murni ke dalam personaliti anak-anak, supaya mereka menjadi 'orang' iaitu manusia berpersonaliti yang beradab dan bersusila. Berdasarkan anggapan itu, nilai Melayu menggunakan ungkapan 'jadi orang' kerana personaliti seseorang itu tidak terbentuk secara kebetulan tetapi ia dibentuk oleh anggota-anggota masyarakat yang lebih tua. Oleh itu, personaliti seseorang itu tergantung pada pendidikan dan pengasuhan yang diterima oleh kanak-kanak.

Ungkapan 'tajam pisau kerana diasah' mengibaratkan bahawa sesuatu kekuatan hanya diperolehi melalui usaha untuk meningkatkan mutunya sebagaimana ilmu pengetahuan dicapai oleh pendidikan yang betul.

Berhubungan dengan pendidikan, nilai Melayu mementingkan teladan yang baik untuk kanak-kanak supaya mereka mencontohi teladan tersebut kerana kanak-kanak sememangnya boleh menjadi manusia yang serupa dengan teladan yang ditunjuk padanya. Oleh itu, nilai-nilai Melayu menegaskan pentingnya pengaruh pendidik atau pengasuh dalam pembentukan personaliti seseorang anak kerana mereka mencontohi sifat, sikap dan tingkah laku pendidik atau pengasuh. Ungkapan 'guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari' bermaksud bahawa kalau seseorang guru atau pengajar menunjukkan contoh yang tidak baik, pelajarnya akan mempunyai sifat atau tingkah laku yang lebih teruk daripadanya. Selain dari pemberian teladan yang baik, ungkapan-ungkapan Melayu memberi panduan kaedah mendidik anak. Misalnya, sikap ibu bapa yang membenarkan semua tingkah laku anak akan merosakkan akhlak anaknya kerana anak akan hanya mementingkan diri sendiri. Oleh itu, ibu bapa perlu juga bertindak keras terhadap kedegilan atau kenakalan anak. Ungkapan 'kasihikan anak tangan-tangankan, kasihikan bini tinggal-tinggalkan' menjelaskan bahawa kalau ibubapa menyayangi anak dan mahu mendidik demi menjadikan anak sebagai 'orang', kadangkala mereka harus menggunakan cara yang keras seperti merotan anak.

Dalam nilai-nilai Melayu, mendidik anak pun ada juga waktu yang sesuai, iaitu semasa anaknya masih kecil. Kalau anaknya masih kecil, kesilapan atau sifat yang tidak baik boleh dibetulkan dengan mudah. Kalau seseorang sudah besar dia sudah terlalu lewat untuk dididik seperti kata pepatah 'pada tatkala rebong tiada dipatah, ketika sudah menjadi aur apa gunanya ?' Ungkapan ini membawa makna bahawa sesuatu benda atau perkara ada masanya yang paling sesuai untuk

menjalankan kerja. Oleh itu untuk membetulkan atau membentuk sesuatu tingkah laku dengan baik, kita hendaklah bertindak lebih cepat.

Ungkapan 'berani kerana benar, takut kerana salah' menggambarkan kedudukan seseorang yang berilmu, iaitu dia berani dan yakin membuat keputusan dan bertindak kerana dia mengetahui apa yang benar dan betul. Seseorang individu yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi boleh bertindak dengan penuh keyakinan kerana telah mengetahui pelbagai hal termasuk punca dan akibatnya. Dengan kata lain seseorang 'orang' yang berilmu mempunyai inisiatif dan berani mencuba sesuatu kerana dia boleh menyelidik segala kemungkinannya sebelum bertindak. Oleh itu orang yang berilmu boleh memimpin orang lain dengan sikap penuh yakin sementara orang yang tidak berilmu mengikuti sahaja segala gerak geri atau tindakan seseorang yang bijak.

Melalui proses pembelajaran yang betul dan berkesan seseorang individu boleh memiliki ilmu pengetahuan dan memperolehi segala kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan hidup dengan baik. Ungkapan 'empat sudah bersimpul satu' menggambarkan 'orang' yang berilmu pengetahuan yang tinggi serta mempunyai sifat-sifat baik. Empat sifat yang baik dalam ungkapan ini adalah berilmu pengetahuan, berakal, berkemahiran dan berusaha. Dalam sistem nilai Melayu seseorang yang memiliki empat sifat tersebut dianggap sebagai orang yang sempurna maka dia disegani dan dihormati oleh masyarakat. Tetapi bukan semua orang yang berilmu tinggi di hormati, kerana hanya orang berilmu yang menggunakan ilmunya dengan bijak sahaja layak mendapat kehormatan. Tingkah laku seseorang yang menyalahgunakan ilmu pengetahuanya adalah dianggap sebagai perbuatan sia-sia. Dengan itu, terdapat juga ungkapan yang menerangkan kelakuan sia-sia dan tidak mendatangkan sebarang keuntungan bagi seorang pelaku. Ungkapan 'bergurindam di tengah rimba' menggambarkan perbuatan seseorang yang

berbakat tetapi mensia-siakan kemampuannya kerana dia menggunakan bakatnya dalam keadaan yang tidak menghargai bakat itu.

Dalam konteks ini, unsur ilmu ini mempengaruhi nilai kuasa yang memberi kedudukan sosial kepada setiap individu mengikut kemampuan dan kelayakannya. Walaupun unsur ilmu sangat penting tetapi apa yang ditegaskan oleh nilai Melayu adalah pembelajaran atau pendidikan yang betul untuk membentuk personaliti 'orang'. Selain itu, ilmu pengetahuan dikehendaki berguna untuk bukan sahaja diri sendiri tetapi juga untuk kebaikan dan kemajuan masyarakat. Oleh itu seseorang yang berilmu pengetahuan tinggi bertanggungjawab untuk menyumbangkannya kepada masyarakat. Dalam konteks ini unsur berilmu berkaitan dengan nilai perpaduan kerana ilmu seseorang boleh digunakan untuk memajukan masyarakat dan penggunaan ilmu itu mendatangkan kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat.

### **2. 3. 2 Berakal dan Bijaksana**

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria Melayu terhadap konsep 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi penggunaan akal dan daya berfikir serta memberi panduan dan nasihat kepada orang Melayu.

'Pikir itu pelita hati'. (Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 131)

'Sesal dahulu pendapatan,  
Sesal kemudian tak berguna'. (Harun Mat Piah, 1989 : 460)

'Bertumpu dulu barulah melompat'.(Abdullah Hussain, 1989 : 45)

'Belum bergigi hendak mengunyah'.  
(Abdullah Hassan & Anion Mohd, 1993: 55)

'Harapkan guruh di langit, ayer di tempayan dicurahkan'.  
 (Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 149)

'Terlalu (terlampau) cepat jadi lambat'.(Abdullah Hussain, 1989 : 217)

'Menggantang asap'. (Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 279)

'Menolong kerbau ditangkap harimau'.  
 (Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 285)

'Anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah kebuluran'.  
 (Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 16)

'Marahkan tikus, lengkiang dibakar'.  
 (Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 250)

'Korek lobang ulat'.(Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 216)

'Burung merebuk terbang melayang,  
 Hinggap bertenggek didahan mati :  
 Kalau menepuk air di dulang,  
 Nanti memercik ke muka sendiri'.  
 (Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 162)

Berdasarkan peribahasa dan pantun tersebut, didapati kriteria terhadap 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan dan nasihat untuk menjadi 'orang' seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang berfikir dan menggunakan akal untuk membuat tindakan dan perbuatan yang bijak, (ii) 'orang' adalah seseorang yang berfikir panjang, berhati-hati dan bersiap sedia dengan sepenuhnya sebelum bertindak, (iii) seseorang yang tergesa-gesa bertindak sebelum bersedia adalah orang yang 'tidak jadi orang', (iv) seseorang yang membuang peluang baik yang sudah ada untuk mengambil peluang yang belum tentu lagi adalah orang yang 'tidak jadi orang', (v) seseorang yang mencuba kerja yang mustahil atau tidak mendatangkan faedah adalah orang 'tidak jadi orang', (vi) seseorang yang melakukan kerja yang boleh membahayakan diri sendiri untuk menyelamatkan orang lain tanpa berfikir adalah orang yang 'tidak jadi orang', (vii) seseorang yang tidak dapat membezakan yang penting dan tidak penting adalah orang yang 'tidak jadi orang', (viii) seseorang yang merosakkan kerja penting untuk menjayakan kerja yang tidak penting adalah orang

yang 'tidak jadi orang' dan (ix) seseorang yang menyusahkan diri sendiri dengan mencari pasal adalah orang yang 'tidak jadi orang'. Sementara itu, peribahasa dan pantun tersebut memberi nasihat kepada orang Melayu supaya bersifat dengan bijak untuk menjadi 'orang' seperti berikut (i) seseorang yang membuat kerja yang tidak bijak mencemarkan nama baik diri sendiri dan juga masyarakat dan (ii) seseorang harus menyedari bahawa tindakan tergesa-gesa melambatkan suatu kerja.

Sikap berakal membolehkan seseorang individu menikmati kejayaan dalam kehidupan. Sikap berakal ini mempunyai skop yang luas termasuk fikiran luas, berhati-hati dan bertimbang rasa kerana sikap-sikap tersebut adalah contoh yang menggunakan akal dengan bijak untuk membuat tingkah laku. Sistem nilai Melayu menegaskan bahawa seseorang individu harus menggunakan akal yang diberi oleh Tuhan untuk membuat keputusan dan membezakan di antara yang baik dengan yang tidak baik. Seseorang 'orang' selalu memikirkan dengan bersungguh-sungguh sesuatu hal sebelum bertindak supaya dia menilai hal itu dan menetapkan tindakannya. Kemampuan berfikir dengan akal adalah kekuatan setiap manusia dan penggunaan akal dengan bijak mendatangkan hasil yang lebih baik dan menjadi seseorang berhati mulia, baik dan sebagainya. Oleh itu, ungkapan 'pikir itu pelita hati' menyatakan bahawa daya berfikir merupakan kekuatan seseorang yang mendatangkan cahaya atau kesenangan dalam hati.

Nilai-nilai Melayu sering menasihati orang Melayu berfikiran masak sebelum bertindak supaya dia dapat menghindarkan dirinya daripada kesilapan atau kerugian dan tidak menyesal di kemudian hari. Ungkapan 'sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak berguna' bermakna bahawa kalau seseorang berfikir, bersifat berhati-hati dan mengenal pasti segala kemungkinan yang tidak baik, dia boleh mencegah kesalahan. Nilai-nilai Melayu menekankan sikap bersiap sedia dengan lengkap memeriksa keadaan sebelum bertindak untuk mengenal pasti masalah dan mencari cara penyelesaian yang terbaik. Ungkapan 'bertumpu dulu barulah

'melompat' menjelaskan sikap bersiap sedia dengan sepenuhnya sebelum bertindak. Oleh yang demikian, sistem nilai Melayu menegaskan bahawa seseorang yang mengambil masa panjang untuk berfikir dan menyelidik sebelum bertindak adalah lebih bijak daripada menggunakan masa panjang untuk memperbaiki kesilapannya selepas bertindak tergesa-gesa. Sementara itu, terdapat juga unsur yang berlawan dengan konsep berakal iaitu unsur tergesa-gesa dalam segala perkara. Sistem nilai Melayu sering mengingatkan agar seseorang itu melakukan kerja dengan sabar dan tidak tergesa-gesa, kerana orang yang berbuat demikian akan melakukan kesilapan. Orang yang tidak sabar dan berprasangka selalu merugikan dirinya sendiri kerana dia bertindak terlalu awal sebelum menimbang perbuatannya. Sistem nilai Melayu menganggap bahawa orang yang tidak sabar dan bertindak melulu dengan tergopoh gapah selalu mengalami kerugian. Tingkah laku seperti di atas adalah kelakuan yang tidak menyedari kemampuan sendiri dan tidak menyelidik kemampuan sendiri sebelum melakukan suatu kerja. Ungkapan 'belum bergigi hendak mengunyah' menggambarkan perbuatan seseorang yang tidak mempunyai suatu kemampuan atau kemahiran tetapi hendak mencuba perkara yang jauh dari kemampuannya.

Orang yang tidak sabar dan bertindak tergesa-gesa akan membuang peluang yang sudah pasti untuk mengejar peluang yang lain yang tidak pasti kebaikannya. Sikap sedemikian boleh merugikan diri sendiri dengan melepaskan kedua-dua peluang kerana sifat tergesa-gesa ini hanya memikirkan keuntungan besar saja tanpa mengira kemungkinan lain. Ungkapan 'harapkan guruh di langit, ayer di tempayan dicurahkan' menggambarkan kelakuan seseorang yang tergesa-gesa bertindak sehingga dia membuang sesuatu yang telah dimilikinya dengan harapan untuk mendapatkan sesuatu yang belum tentu. Orang yang tergesa-gesa selalunya berusaha untuk mencepatkan sesuatu kerja tetapi sebaliknya ia boleh melambatkan atau merosakkannya kerana perbuatannya tidak sempurna. Ungkapan 'terlalu (terlampau) cepat jadi lambat' merupakan peringatan kepada orang yang tergesa-gesa kerana kalau seseorang bertindak dengan terlalu cepat untuk menyelesaikan suatu

kerja, mungkin kerja itu harus dibuat semula kerana kesilapan yang disebabkan oleh sikap tergesa-gesa.

Sementara itu, terdapat nilai-nilai Melayu yang menyatakan kebodoohan dan kerugian seseorang yang tidak bijaksana. Misalnya, seseorang yang tidak tahu atau tidak menyelidik keadaan di sekelilingnya dengan baik, akan mensia-siakan usaha sendiri sahaja kerana usahanya adalah tanpa hasil. Ungkapan 'menggantang asap' menggambarkan perbuatan mengumpul suatu benda yang mustahil dikumpul atau disimpan. Ini adalah percubaan yang sia-sia. Begitu juga perbuatan atau sikap yang sia-sia akan berlaku apabila seseorang yang hendak mengatasi masalah kecil, tetapi mendatangkan masalah yang jauh lebih besar semata-mata kerana caranya yang tidak bijak. Dalam hal ini sistem nilai Melayu menegaskan keutamaan (priority) dan menyindir sikap orang yang mementingkan perkara kecil sehingga merosakkan sesuatu yang berharga dan penting. Ungkapan 'marahkan tikus, lengkiang dibakar' menggambarkan perbuatan seseorang yang mendatangkan kerugian atau menjelaskan perkara penting kerana cuba menyelesaikan perkara yang tidak penting dengan cara yang tidak bijak.

Orang yang tidak pandai mengira keadaan boleh menyebabkan dirinya berada dalam bahaya kerana dia melakukan perbuatan yang tidak perlu. Sistem nilai Melayu mencerminkan kebodoohan seseorang yang tidak boleh membezakan di antara apa yang baik dengan apa yang buruk, atau apa yang untung dan apa yang rugi untuk diri sendiri. Orang sedemikian menyusahkan diri sendiri dengan membuat tingkah laku yang tidak bijaksana. Ungkapan 'menolong kerbau ditangkap harimau' menggambarkan perbuatan seseorang yang tidak menyedari keadaan yang berbahaya dan hendak menolong orang lain lalu mendapat kesusahan atau kemalangan. Pada masa yang sama, orang yang tidak tahu keutamaan di antara perkara-perkara yang berlaku di sekelilingnya juga menyebabkan kerugian dan keburukan kepada diri sendiri kerana dia tidak dapat membezakan di antara apa yang hendak diutamakan

dan apa yang boleh diketepikan. Ungkapan 'anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah kebuluran' menggambarkan kebodohan seseorang yang hendak berbuat baik kepada orang lain, sementara orang yang patut diberi perhatian dan bantuan menderita.

Akhirnya orang yang tidak bijak akan menanggung kerugian atau menghadapi kemalangan kerana dia tidak menyedari apa yang dilakukannya. Sistem nilai-nilai Melayu menggambarkan seseorang yang sengaja menyusahkan diri sendiri dengan membuat tingkah laku yang tidak perlu dibuat tanpa memikir akibatnya. Ungkapan 'korek lobang ulat' menggambarkan perbuatan seseorang yang sengaja mendatangkan kesusahan dan kemalangan dengan mengacau orang lain atau memburukkan keadaan yang tidak baik. Seperti dijelaskan di atas, orang yang tidak bijak akan mendatangkan kesusahan kepada diri sendiri kerana dia tidak tahu apa yang patut dilakukan dan apa yang tidak harus dilakukan. Oleh itu orang tersebut merosakkan sesuatu kerja dan juga dia merosakkan nama baik sendiri. Dia mendapat malu kerana perbuatannya yang tidak bijak. Ungkapan 'burung merebuk terbang melayang, hinggap bertenggek didahan mati, kalau menepuk air di dulang, nanti memercik ke muka sendiri' menjelaskan bahawa kalau seseorang bertingkah laku dengan tidak bijak, ia mendatangkan malu kepada pelaku sendiri.

### **2. 3. 3 Pengalaman**

Walaupun pengalaman berlainan dengan ilmu pengetahuan, pengalaman ini juga memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku bijak. Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan ciri-ciri orang yang telah 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi pengalaman :

'Haruslah air disauk, dan ranting dipatah,  
lama hidup banyak merasa, jauh berjalan banyak dilihat'.  
(Abdullah Hussain, 1989 : 75)

'Seperti katak di bawah tempurung'. (Hamilton, 1955 : 23)

'Sekali tersengat, selalu beringat'.(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 181)

Peribahasa dan pantun tersebut menyatakan bahawa (i) 'orang' adalah seseorang yang bersikap bijaksana kerana berpengalaman, (ii) seseorang yang berpandangan sempit kerana tidak berpengetahuan dan tidak berpengalaman adalah orang 'tidak jadi orang' dan (iii) seseorang tidak akan membuat kesilapan yang sama kalau telah berpengalaman.

Pengalaman adalah suatu pengajaran yang diperolehi baik secara langsung maupun secara tidak langgung melalui hidup dengan melihat, mendengar dan merasa sendiri. Melalui pengalaman manis atau pahit, seseorang mendapat tahu tentang hal-hal penting lalu memperbaiki sifatnya untuk menyesuaikan dirinya sendiri dengan keadaan persekitaran serta meningkatkan kebijaksanaannya. Pengalaman mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang kerana melaluiinya seseorang mempelajari perkara-perkara penting dalam dunia ini. Ungkapan 'sekali tersengat, selalu beringat' menyatakan bahawa seseorang yang telah mengalami kepahitan atau kesusahan dalam hidup akan berhati-hati semasa menghadapi keadaan yang serupa pada masa depan. Orang yang telah melalui pengalaman hidup yang bermacam-macam tidak dikongkong oleh pandangan sempit kerana dia sudah merasai masam manis hidupnya. Dengan kata lain seseorang yang sudah hidup lebih lama akan menggunakan pengalamannya apabila menghadapi keadaan yang mencabar, kerana dia sudah pernah mengalami keadaan seperti itu sebelumnya. Ungkapan 'haruslah air disauk, dan ranting dipatah, lama hidup banyak merasa, jauh berjalan banyak dilihat' menggambarkan kebijaksanaan seseorang yang berumur

yang telah banyak berpengalaman kerana dapat melihat dan merasa banyak perkara dalam perjalanan hidupnya.

Dengan pengalaman, 'orang' boleh memiliki pandangan luas dan kebijaksanaan yang merupakan asas untuk kejayaan. Sebaliknya orang yang berpandangan sempit adalah seseorang yang tidak luas pengalaman dan kurang pergaulan. Orang tersebut tidak boleh menilai atau memandang sesuatu dengan pandangan yang benar lagi tepat kerana memikirkan sesuatu dari pandangannya sendiri sahaja dan pandangannya pula dikaburi oleh keadaan yang kurang pengetahuan. Ungkapan 'seperti katak di bawah tempurung' menggambarkan kebodohan dan pandangan sempit seseorang yang tidak berilmu dan tidak berfikiran luas. Orang seperti ini hanya boleh melihat satu segi sahaja dalam perkara yang mempunyai pelbagai aspek.

Sistem nilai Melayu sangat mementingkan ilmu pengetahuan untuk 'jadi orang' kerana ilmu pengetahuan merupakan asas untuk perbuatan, tingkah laku dan sikap yang wajar dan beradab. Sistem nilai Melayu juga menitikberatkan penggunaan ilmu pengetahuan untuk kehidupan seharian supaya seseorang berilmu menyumbangkan ilmunya untuk kemajuan diri sendiri dan masyarakat. Penggunaan akal dengan bijaksana ditegaskan oleh sistem nilai Melayu. Dalam sistem nilai Melayu, setiap manusia telah diberi kekuatan untuk berfikir atau berakal oleh Tuhan supaya dia menggunakan kekuatan itu dalam membezakan antara yang baik dengan yang buruk lalu membuat keputusan dan kelakuan yang sebaik mungkin. Selain itu, pengalaman hidup juga diutamakan kerana seseorang boleh menjadi bijaksana melalui pengalamannya. Dengan adanya ciri-ciri ilmu tersebut, seseorang manusia boleh mendapat nama 'orang'.

## 2. 4 Nilai Kuasa

Dalam suatu masyarakat, nilai kuasa dilihat dari dua aspek, iaitu kedudukan formal seperti pangkat dan kedudukan informal seperti kehormatan daripada anggota lain. Seseorang pemimpin boleh mendapat kuasa dan authority untuk melaksanakan suatu kerja kerana mempunyai kemampuan seperti pelajaran tinggi, keturunan baik dan sebagainya. Selain itu, seorang yang berbudi baik mencapai kedudukan sosial tinggi kerana orang lain memberi kehormatan kepadanya. Oleh itu, nilai kuasa merupakan nilai yang memberi kuasa kepada orang yang berkelayakan. Dalam konteks ini orang yang berkelayakan adalah orang yang berpangkat tinggi, berharta benda, berpelajaran tinggi, berilmu, berbudi baik dan sebagainya. Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria dan pandangan orang Melayu terhadap 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi nilai kuasa tersebut.

'Buah cempedak di hutan duri, Jatuh sebiji dimakan ulat :  
Jikalau tidak bahasa dan budi, Apa guna kaya berdaulat'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 81)

'Bagaimana aku tak ingat,  
Orang baik hati budinya'.(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 72)

'Jagalah diri jangan tercela,  
Rosak nama bangsa terpalit'. (Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 141)

'Biar luka di dada jangan luka di belakang'.  
(Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992 : 217)

'Takut mengikut jalan tak beretas'. (Abdullah Hussain, 1989 : 210)

'Umpama kayu lempung; belum ditolak condong sendiri'.  
(Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 440)

Peribahasa dan pantun tersebut menjelaskan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi kuasa seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang

memiliki kuasa seperti kekayaan dan kedudukan serta budi bahasa supaya menyempurnakan kuasa yang dimilikinya, (ii) 'orang' adalah seseorang yang berani menghadapi cabaran dan kesusahan, (iii) seseorang yang tidak berinisiatif dan tidak berani meneroka pekerjaan baru adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan (iv) seseorang yang mudah hilang semangat adalah orang yang 'tidak jadi orang'. Sementara itu, peribahasa dan pantun di atas juga memberi panduan dan nasihat supaya mendekati ciri-ciri 'jadi orang' seperti berikut (i) seseorang 'orang' yang baik budinya akan diingati dan dihormati oleh orang lain dan (ii) seseorang harus menjaga nama baik diri sendiri dan keluarga untuk menjadi 'orang' dan berkedudukan dalam masyarakat.

## 2. 4. 1 Pangkat

Pangkat tinggi ini boleh dikatakan nilai yang bersifat formal dibandingkan dengan unsur lain kerana unsur ini nyata dari segi kedudukan dalam masyarakat sementara unsur lain tidak nyata. Dengan menduduki pangkat tinggi seseorang anggota masyarakat mempunyai pengaruh tinggi dalam masyarakat dan berkuasa secara formal. Walaupun seseorang memiliki kuasa dari segi formal seperti kekayaan dan kekuasaan, unsur ini diperendahkan kalau dibandingkan dengan kuasa dari segi tidak formal seperti budi bahasa, alim dan sebagainya. Oleh yang demikian, dalam sistem nilai Melayu, nilai kuasa seperti pangkat tinggi dan nilai estetik dikehendaki saling melengkapai (atau complimentary) untuk mencapai tahap 'orang'. Ungkapan 'buah cempedak di hutan duri, jatuh sebiji dimakan ulat, jikalau tidak bahasa dan budi, apa guna kaya berdaulat' menekankan bahawa walaupun seseorang mempunyai kekayaan dan kekuasan, dia tidak berkuasa dengan sepenuhnya atau dihormati kalau dia tidak berbudi bahasa.

## 2. 4. 2 Kehormatan

Seorang 'orang' dikehendaki menjaga nama baik supaya dihormati dan dicontohi oleh orang lain. Seseorang yang mendapat kehormatan dan nama baik dengan menanam budi kepada orang lain dianggap sebagai 'orang'. Oleh itu, seseorang yang berbuat budi kepada orang lain akan dikenangi dan dihormati oleh orang lain kerana sifat yang mulia itu. Di samping itu orang tersebut boleh dipanggil seorang yang mempunyai sifat 'orang' dan dicontohi oleh orang lain. Ungkapan 'bagaimana aku tak ingat, orang baik hati budinya' bermakna bahawa kalau seseorang individu berbudi baik, dia akan disayangi dan dihormati oleh anggota-anggota masyarakat. Oleh itu, orang tersebut boleh mendapat kuasa kerana dia dihormati oleh masyarakatnya.

Sementara itu, tingkah laku seseorang yang tidak 'jadi orang' mendatangkan sesuatu akibat buruk bukan kepada diri sendiri sahaja, tetapi juga kepada pihak lain yang berhubungan dengannya, iaitu mengotorkan atau merosakkan nama dan maruah sendiri dan juga maruah masyarakat. Oleh yang demikian orang tersebut dipandang rendah oleh masyarakat, kerana perbuatannya menjatuhkan maruah. Ungkapan 'jagalah diri jangan tercela, rosak nama bangsa terpalit' menasihati orang Melayu supaya bertingkah laku baik dan menjaga nama baik sendiri kerana perbuatan yang tidak baik bukan sahaja mengotorkan nama baik sendiri tetapi juga mendatangkan malu kepada masyarakat berkenaan. Dari unsur ini, terdapat nilai Melayu terhadap tingkah laku yang menerima malu atau mendatangkan rasa malu kepada diri sendiri. Mendapat malu dalam masyarakat Melayu adalah keadaan yang sangat serius dari segi nilai kuasa dan nilai agama kerana masyarakat Melayu mementingkan maruah dan nama baik seseorang sebagai makhluk mulia.

## 2. 4. 3 Berani dan Semangat

Unsur berani dan semangat ini merupakan salah satu syarat untuk mencapai kedudukan kerana seseorang individu dapat menguasai atau memimpin orang lain dengan penggunaan unsur ini. Sikap berani adalah satu keperluan untuk menghadapi cabaran masa kini dan berjaya dalam hidup. Orang yang berani boleh menjadi teladan dan dihormati kerana dia tidak takut pada cabaran dan sanggup menghadapinya dengan tabah. Orang sedemikian tidak takut juga pada kegagalan dan menganggapnya sebagai langkah ke arah kejayaan. Nilai-nilai Melayu menggalakkan seseorang 'orang' supaya bersikap berani dan menghadapi cabaran dengan semangat kuat untuk menyelesaikan masalahnya. Di samping itu, nilai-nilai Melayu memupuk semangat anggotanya supaya mereka tidak putus asa dalam keadaan kritikal dengan mengingatkan sikap tekun dan tabah. Walaupun keadaan membimbangkan, tetapi kalau seseorang terus berusaha dengan sedaya upaya dan dengan sehabis-habisnya, dia boleh berjaya dan mencapai matlamatnya. Ungkapan 'biar luka di dada jangan luka di belakang' menggambarkan sikap seseorang yang berani menghadapi cabaran dan kesusahan dengan semangat walaupun keadaannya tidak menjaminkan kejayaan atau keselamatannya.

Dalam sistem nilai Melayu, orang yang bersemangat atau berani ialah orang yang rajin mencuba hal yang belum disentuh oleh orang lain dan suka meneroka bidang-bidang yang baru. Sikap tersebut boleh mendatangkan kemungkinan besar untuk mencapai kejayaan dalam hidup. Sebaliknya orang yang penakut tidak berani melakukan sesuatu yang baru kerana dia tidak yakin kepada tindakan sendiri. Sifat ini berkaitan dengan kurang semangat atau kurang inisiatif. Ungkapan 'takut mengikut jalan tak beretas' menggambarkan sikap seseorang yang tidak berani mencuba suatu hal yang baru kerana dia tidak ada semangat, inisiatif

dan keyakinan. Justeru orang yang berusaha dan mencuba sesuatu dengan semangat kuat adalah salah satu contoh 'orang' dari segi kuasa. Sebaliknya nilai Melayu menganggap orang yang penakut adalah orang yang kurang semangat dan kurang yakin pada diri sendiri. Maka dia tidak dapat mencapai kemajuan dan tidak mampu menghadapi masalah dan cabaran kerana hanya hendak mlarikan diri daripada cabaran dan masalah. Orang yang penakut mudah hilang semangat sebelum apa-apa kejadian berlaku. Orang jenis ini tidak mempunyai keyakinan diri sendiri dan mudah hilang semangat apabila ditegur atau dibidas oleh orang lain dan dia lebih mempercayai pendapat orang lain daripada pendapat sendiri. Orang sedemikian menjadi orang yang dipimpin oleh orang yang bersemangat kuat. Ungkapan 'umpama kayu lempung; belum ditolak condong sendiri' menggambarkan seseorang hilang semangat dan pengecut yang mengalah sebelum bertindak kerana takut dan lemah semangat.

Nilai kuasa ini menentukan siapakah yang berkelayakan mendapat kuasa atau siapakah tidak, mengikut kemampuan mereka. Maka orang yang berkemampuan atau berguna akan memimpin atau menguasai orang lain yang tidak mempunyai kelayakan. Apa yang ditekankan dalam nilai kuasa ini adalah seseorang dikehendaki menjaga perbuatan sendiri supaya menjaga nama baik diri sendiri dan nama baik masyarakat. Selain itu, nilai yang paling tinggi dalam nilai kuasa ini adalah mendapat kehormatan dari orang lain dan masyarakat kerana sifat, sikap dan perbuatan yang dihormatinya seperti alim, berbudi dan menyumbang kepada masyarakat. Nilai Melayu juga lebih menghargai sumbangan seseorang individu kepada masyarakat daripada kedudukan atau kemampuan seseorang tersebut. Sebaliknya perbuatan tertentu merosakkan nama baik seseorang individu dan masyarakat. Dengan itu, seseorang itu boleh kehilangan kedudukan yang wajar dalam masyarakat. Salah satu hasil daripada tingkah laku sendiri yang silap atau

tidak baik ialah merugikan diri sendiri atau ditimpa kemalangan atau bencana dan seterusnya kehilangan maruah sendiri.

## **2. 5 Nilai Perpaduan**

Setiap masyarakat mementingkan perpaduan di antara anggota-anggotanya kerana perpaduan ini sangat mustahak untuk mengekalkan kewujudan, kedamaian dan keharmonian masyarakat. Sistem nilai Melayu juga menitikberatkan nilai perpaduan ini kerana nilai perpaduan adalah unsur-unsur yang menyumbangkan kepada perpaduan, keharmonian, kedamaian dan ketenteraman dalam masyarakat. Di antaranya ialah bekerjasama, bertanggungjawab, bersemangat kekitaan dan berperikemanusiaan.

### **2. 5. 1 Kerja sama**

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi kerja sama dan juga memberi panduan dan nasihat supaya anggota masyarakat bekerja sama untuk mencapai perpaduan dan kemajuan masyarakat ;

'Yang tegak disokong yang lemah ditopang'.  
(Abdullah Hussain, 1989 : 233)

'Ringan sama dijinjing berat sama dipikul'.  
(Muhammad Yusof Mustafa, 1965 : 265)

'Kayu yang banyak akarnya yang teguh tak takutkan ribut'.  
(Muhammad Yusof Mustafa, 1965 : 154)

'Orang itu empat gasal, lima genap'. (Abdullah Hussain, 1989 : 58)

Peribahasa dan pantun tersebut menyatakan kerriteria Melayu terhadap 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang bekerja sama dan tolong-menolong dengan orang lain untuk saling melengkapi kelemahan, (ii) 'orang' adalah seseorang yang tolong-menolong sesama manusia untuk meringankan bebanan orang lain serta mendapat hasil yang baik, (iii) seseorang yang tidak ingin bekerja sama, sentiasa mencari pasal dan tidak bersetuju dengan orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang'. Sementara itu, peribahasa ini juga menyatakan pentingnya kerja sama dan perpaduan demi kebaikan masyarakat, iaitu anggota-anggota masyarakat yang bekerjasama mendatangkan perpaduan dan menguatkan 'espirit de corp' masyarakat.

Nilai-nilai Melayu menegaskan bahawa kerja sama adalah satu cara yang paling baik dan paling senang untuk mengatasi kesusahan kerana seseorang itu boleh meringankan bebannya apabila orang lain bekerja sama dan menolongnya. Nilai-nilai Melayu menggalakkan amalan kerja sama dan tolong-menolong sesama anggota masyarakat supaya saling melengkapi kelemahan sesama mereka. Misalnya, kalau ada kelemahan melengkapkan, dan kalau yang ada kekuatan menyokongnya, untuk mengekalkan sifat itu. Peribahasa 'yang tegak disokong yang lemah ditopang' menggambarkan suasana kerja sama dan tolong-menolong tersebut. Ungkapan 'ringan sama dijinjing berat sama dipikul' juga menggambarkan nilai-nilai Melayu yang bekerja sama dan tolong menolong untuk meringankan beban atau kesusahan orang lain sesama mereka.

Dengan adanya amalan bekerja sama dan tolong-menolong, sebuah masyarakat mengekalkan perpaduan dan menikmati kemajuan. Oleh itu, sikap bekerja sama dan tolong-menolong menjadi kekuatan masyarakat kerana suatu masyarakat boleh menghadapi cabaran dan menyelesaikan pelbagai masalah dengan mudah melalui kerja sama antara anggota masyarakat. Oleh itu, seorang 'orang'

dikehendaki menjadi sebahagian daripada akar yang menyokong pokok besar, iaitu masyarakat seperti digambarkan dalam peribahasa 'kayu yang banyak akarnya yang teguh tak takutkan ribut'. Ungkapan tersebut menggambarkan keadaan masyarakat yang stabil kerana anggota-anggota masyarakat berkenaan bekerja sama dan sokong menyokong sesama mereka. Oleh itu masyarakat tersebut boleh menghadapi dan mengatasi apa jua kesusahan dan cabaran.

Sementara itu, terdapat sikap yang menghalang amalan kerja sama, iaitu sikap degil. Sikap degil adalah sikap keras kepala yang tidak mendengar cakap atau pandangan orang lain dan meneruskan tingkah laku yang tidak wajar menurut keinginan sendiri. Oleh itu, orang yang bersikap degil ini tidak ingin bekerja sama dan tidak bertolak ansur dengan orang lain maka sikapnya itu menghalang kerja sama dan perpaduan di antara anggota masyarakat. Sistem nilai Melayu sangat memandang rendah terhadap orang yang memiliki unsur degil kerana sifat degil itu dianggap tidak berguna dan menjadi halangan kepada kemajuan masyarakat. Ungkapan 'orang itu empat gasal, lima genap' menggambarkan sikap seseorang degil yang enggan bersetuju dengan orang lain dan enggan bekerja sama.

## 2. 5. 2 Tanggungjawab

Antara peribahasa dan pantun yang menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi tanggungjawab adalah seperti berikut ;

'Seekor kerbau berkubang sekandang kena lubuknya'.  
(A. Samad Idris, 1989 : 131)

'Kerbau dipegang tali hidungnya,  
manusia dipegang pada katanya'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 66)

'Lemak manis pada dialah, pahit maung pada orang'.  
 (Abdullah Hussain, 1989 : 123)

Peribahasa-peribahasa tersebut menyatakan kriteria dan panduan seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang menyedari tanggungjawab sendiri dan menunaikan tanggungjawab serta janjinya, (ii) seseorang yang tidak bertanggungjawab atas perbuatan sendiri adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan (iii) seseorang 'orang' harus bertanggungjawab terhadap tingkah laku sendiri kerana tingkah lakunya boleh mendatangkan kesan ke atas masyarakat juga.

Dalam sistem nilai Melayu orang yang mengetahui tanggungjawab sendiri dikatakan 'orang' kerana dia tahu tanggungjawab dan melaksanakannya di dalam masyarakat. Sebagai anggota masyarakat seseorang individu mempunyai tanggungjawab tertentu dan harus mematuhi panduan masyarakat untuk mengekalkan perpaduan dan kewujudan masyarakat berkenaan. Ungkapan 'seekor kerbau berkubang sekandang kena lubuknya' menekankan peranan seseorang dalam masyarakat, iaitu kalau seorang anggota berbuat silap dia boleh mengakibatkan seluruh masyarakat menghadapi masalah atau padah yang buruk. Selain dari tanggungjawab kepada masyarakat 'orang' harus menunaikan janjinya kerana memungkir janji adalah satu dosa. Dia dinasihatkan supaya tidak membuat janji yang tidak dapat ditunaikan dan kalau sudah membuat janji dia seharusnya berusaha sedaya upaya untuk menepatinya. Ungkapan 'kerbau dipegang orang tali hidungnya, manusia dipegang pada katanya' menggambarkan betapa pentingnya kata-kata yang seseorang keluarkan kerana orang tersebut dikongkong oleh cakap sendiri.

Kerana bertanggungjawab merupakan salah satu ciri 'orang', seseorang yang tidak bertanggungjawab ke atas perbuatan sendiri dan masyarakat terkeluar dari lingkungan 'orang' dalam nilai-nilai Melayu. Orang yang tidak bertanggungjawab tidak mengaku kesilapan dirinya dan sebaliknya dia menyalahkan orang yang lain.

Orang sedemikian memuji diri sendiri kalau hasil daripada kelakuannya baik tetapi kalau hasilnya tidak memuaskan dia menyalahkan orang yang lain atau memberi alasan yang tidak munasabah untuk melepaskan dirinya. Orang tersebut tidak boleh diharapkan kerana orang itu melepaskan dirinya kalau keadaannya tidak baik tetapi tamak menikmati kesenangan kalau keadaannya baik atau memuaskan. Ungkapan 'lemak manis pada dialah, pahit maung pada orang' menggambarkan sikap seseorang yang mengambil yang baik dan elok sahaja dan memberi yang buruk dan tidak baik kepada orang lain. Pada masa yang sama ungkapan ini menjelaskan sikap orang yang tidak bertanggungjawab ke atas kesilapan atau kesalahan yang dilakukannya dan menyalahkan orang lain.

## 2. 5. 3 Semangat Kekitaan

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria terhadap 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi harmoni dan semangat kekitaan.

'Ramah baik lagi penyabar,  
Banyaklah orang mesra di hati'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 150)

'Kalau tuan memakan kari  
rasa pedas hendakkan tanam ;  
kalau pandai membawa diri,  
ke mana jatuh orang kasihan'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 14)

'Seperti pelita, membakar diri menerangkan orang'.  
(Abdullah Hussain, 1989 : 194)

'Hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicicip'.  
(Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992 : 132)

'Orang bertemu buku'. (Shellabear, 1965 : 179)

'Mengumpat pagi, mengeji petang, lalat buta pun tak mahu singgah'.  
(Tenas Effendy, 1989 : 180)

'Darah bukan daging pun bukan,  
Sangkut sikit kerana budi'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 76)

'Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat'.  
(Harun Mat Piah, 1989 : 461)

'Duduk seorang bersempit-sempit,  
duduk banyak (bersama) berlapang-lapang'.  
(Abdullah Hussain, 1989 : 69)

'Dia tak endah, saya pun tak sir'.  
(Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992 : 171)

'Anak gajah anak beruang,  
duduk berhenti hilangkan mengah ;  
sesama gajah bila berjuang,  
pelanduk mati di tengah-tengah'. (Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 167)

Berdasarkan peribahasa dan pantun tersebut, didapati kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' pada pemikiran Melayu ialah (i) 'orang' adalah seseorang yang bersifat ramah, sabar lalu mendapat ramai kawan dan mendatangkan suasana harmoni, (ii) 'orang' adalah seseorang yang pandai membawa diri lalu disayangi oleh orang lain, (iii) 'orang' adalah seseorang yang bersedia mengorbankan kepentingan sendiri untuk orang lain atau masyarakat, (iv) 'orang' adalah seseorang yang sudi berkongsi segala yang dimilikinya dengan orang lain untuk kenikmatan bersama, (v) seseorang yang sentiasa mencari pasal dan suka bergaduh adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan (vi) seseorang yang suka mengumpat orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang' kerana sikap itu menjelaskan suasana berharmoni.

Peribahasa dan pantun tersebut juga menyatakan kesan daripada diri-ciri 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' ke atas keharmonian masyarakat serta memberi nasihat untuk mencapai keharmonian masyarakat seperti (i) budi baik 'orang' mendatangkan hubungan baik dan perpaduan di antara orang, (ii) seseorang harus berusaha mencapai muafakat untuk mengeratkan hubungan di antara orang, (iii)

'orang' sudi mengorbankan kesenangan sendiri untuk berkongsi dengan orang lain, (iv) seseorang dikehendaki berkongsi sesuatu dengan orang lain walaupun benda itu tidak mencukupi keperluan semua orang, (v) seseorang harus bertolak ansur dengan orang lain kerana hubungan baik di antara orang tergantung pada sikap orang dan (vi) pergaduhan di antara orang mendorong kesusahan atau kemalangan kepada orang lain dalam masyarakat.

Dalam masyarakat Melayu, perhubungan darah (kinship) antara keluarga dan saudara mara (sanak saudara) sangat dipentingkan. Walaupun demikian, dua orang yang tidak ada kaitan persaudaraan boleh mengeratkan hubungan antara mereka melalui semangat kekitaan seperti budi, tolak ansur dan sebagainya. Maka budi adalah salah satu unsur yang berfungsi menggabungkan dan menyatupadukan masyarakat. Ungkapan 'darah bukan daging pun bukan, sangkut sikit kerana budi' menjelaskan pentingnya dan kekuatan budi ini dalam perpaduan masyarakat kerana budi menguatkan hubungan di antara anggota masyarakat. Orang yang mendorong perasaan kekitaan adalah orang yang peramah, penyabar dan manis kerana sifat-sifat tersebut melicinkan hubungan baik di antara anggota masyarakat. Oleh itu, sistem nilai Melayu menganggap sifat ramah, bersabar dan manis itu sebagai unsur perpaduan yang diperlukan dalam kehidupan bermasyarakat supaya mencapai suasana harmoni. Ungkapan 'ramah baik lagi penyabar, banyaklah orang mesra di hati' menekankan bahawa sikap ramah dan sabar seseorang menyebabkan dia mempunyai hubungan baik dengan ramai orang dalam masyarakat.

Semangat kekitaan juga merangkumi penyesuaian seseorang dengan keadaan sekelilingnya baik alam sekitar maupun suasana masyarakat untuk mengwujudkan perpaduan sosial di dalam masyarakat. Kalau seseorang memasuki suasana baru, dia dikehendaki mengubahsuai tingkah laku dan sikap supaya diterima dengan baik dalam suasana baru itu, kerana setiap masyarakat mempunyai adat atau cara sendiri dalam segala hal. Sistem nilai Melayu menegaskan bahawa

kalau seseorang yang pandai dan sudi menyesuaikan dirinya dengan keadaan masyarakat ke mana dia pergi pun dia boleh diterima dan menjalankan kehidupan dengan baik. Nilai-nilai itu terkandung dalam pantun 'kalau tuan memakan kari, rasa pedas hendakkan tanam, kalau pandai membawa diri, ke mana jatuh orang kasihan'.

Salah satu contoh semangat kekitaan adalah muafakat yang mendatangkan suasana damai, tenteram dan juga adil. Walaupun setiap individu mempunyai pendirian sendiri dan kepentingan sendiri yang paling dihargai ialah sikap menjunjung pendapat orang lain dan berusaha mencapai persetujuan antara mereka, iaitu muafakat. Selain itu setiap individu diharap berbincang atau berunding untuk mencapai kesefahaman dan persetujuan tentang hal yang bersangkut paut dengan keuntungan masyarakat atau keuntungan individu. Nilai-nilai orang Melayu menegaskan bahawa perundingan adalah cara yang terbaik untuk mencegah pergaduhan atau persengketaan supaya menjaga kedamaian dan keharmonian masyarakat melalui perpaduan. Inilah cara penyelesaian yang baik. Ungkapan 'bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat' menggambarkan keadaan masyarakat yang mencapai perpaduan melalui muafakat, iaitu atas keharmonian dan kedamaian.

Sistem nilai orang Melayu juga menghargai sikap orang yang sudi mengorbankan kepentingan diri sendiri untuk mencapai perpaduan dan keharmonian antara anggota-anggota masyarakat. Kepentingan masyarakat didahulukan daripada kebaikan atau keuntungan sendiri. Ungkapan 'seperti pelita, membakar diri menerangkan orang' mengibaratkan sikap seseorang yang sudi mengorbankan diri sendiri untuk kebaikan orang lain atau kebaikan masyarakat. Dalam sistem nilai orang Melayu, kalau seseorang individu hendak menikmati keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, dia harus menerima sedikit kerugian demi kepentingan keseluruhan masyarakat kerana kalau anggota-anggota masyarakat hanya

mementingkan kesenangan diri sendiri, perpaduan dan keharmonian tidak boleh wujud. Sikap mengorbankan kepentingan diri sendiri dan sikap berkongsi kesenangan dengan anggota lain mendatangkan suasana yang lebih mesra dan hubungan yang lebih rapat. Ungkapan 'duduk seorang bersempit-sempit, duduk banyak (bersama) berlapang-lapang' menggambarkan sikap orang yang mengorbankan kesenangan untuk berkongsi dengan orang lain maka sikap itu mendatangkan keadaan yang lebih senang dan selesa daripada menikmati kesenangan diri sendiri sahaja. Unsur ini juga berkaitan dengan bahagi-membahagi dan murah hati kerana sifat ini juga mementingkan sikap mahu berkongsi demi menikmati bersama sesuatu kelebihan yang diperolehi. Ungkapan 'hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicicip' menggambarkan sikap orang-orang yang bahagi-membahagikan sesuatu benda sesama mereka walaupun benda tersebut tidak mencukupi keperluan semua orang kalau dibahagikan.

Walaupun nilai-nilai Melayu menegaskan keharmonian dan semangat kekitaan (esprit de corp) dalam masyarakat, terdapat juga orang yang tidak boleh mencapai keharmonian sebaliknya selalu bercanggah atau berselisihan dengan orang lain. Ungkapan 'orang bertemu buku' menggambarkan sikap orang yang sengaja mencari pasal atau menyalahkan perbuatan orang lain dan sesuatu benda yang sebenarnya tidak ada kekurangan. Nilai-nilai Melayu menegaskan bahawa perbuatan individu yang selalu mencari pasal dan mengganggu ketenteraman orang lain adalah perbuatan yang tidak bijak dan bodoh kerana perbuatan sedemikian boleh mengakibatkan pelakunya mengalami kesusahan atau kerugian. Sistem nilai Melayu menegaskan bahawa kalau seseorang bersikap tidak menghiraukan orang lain dan hanya mementingkan diri, membesarcan diri, angkuh, sompong atau degil maka keharmonian dalam masyarakat tidak boleh dicapai. Hubungan baik antara anggota masyarakat berdasarkan sikap tolak ansur kerana semua orang mempunyai kepentingan diri dan maruah diri lalu segala hubungan dibentuk oleh tindak balas antara individu. Ungkapan 'dia tak endah, saya pun tak sir' menegaskan bahawa

hubungan baik di antara orang hanya dicapai oleh kesefahaman dan sikap tolak ansur antara mereka. Jadi kalau seseorang yang tidak mahu bertolak ansur kemungkinan besar orang lainpun tidak akan berkerjasama dengannya.

Nilai-nilai Melayu memberi amaran bahawa pergaduhan di antara individu menjelaskan hubungan baik dan juga memusnahkan suasana bersatupadu dan harmoni. Oleh itu, kalau dua orang anggota masyarakat bergaduh, ia menyebabkan kerugian bukan sahaja kepada mereka yang bergaduh tetapi juga kepada orang lain dalam masyarakatnya. Ungkapan 'anak gajah anak beruang, duduk berhenti hilangkan mengah, sesama gajah bila berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah' menggambarkan kesusahan orang tengah apabila pergaduhan berkaku di antara ketua (orang besar) masyarakat kerana pergaduhan dan persengketaan tersebut mempengaruhi ketenteraman orang lain dan menjelaskan kedamaian dan keharmonian. Sistem nilai Melayu juga sangat memandang rendah terhadap sikap mengumpat kerana perbuatan ini menjelaskan bukan saja hubungan baik orang-orang yang terlibat tetapi juga perpaduan dan keharmonian masyarakat. Ungkapan 'mengumpat pagi, mengeji petang, lalat buta pun tak mahu singgah' menekankan bahawa kalau seseorang mempunyai sikap suka mengumpat orang lain, akhirnya dia kehilangan semua kawan dan tinggal dalam suasana yang sunyi kerana orang lain pun tidak suka bergaul dengannya.

## **2. 5. 4 Perikemanusiaan**

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria dan nilai-nilai Melayu terhadap 'jadi orang' dari segi perikemanusiaan demi memupuk semangat perpaduan.

'Cik Minah memakai merjan,  
disinar api cahaya gemerlap ;  
dunia ini, bumi mana tak kena hujan,  
manusia mana tak buat silap'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 158)

'Bagai limau masam sekerat, bagai perahu karam sebelah'.  
(Harun Mat Piah, 1989 : 462)

'Cubit paha kanan, paha kiri pun sakit juga'.  
(Shellabear, 1965 : 2)

'Telentang bersama menadah embun, tiarap sama memakan pasir'.  
(Shellabear, 1965 : 83)

Peribahasa dan pantun ini menyatakan bahawa (i) 'orang' adalah seseorang yang menyedari bahawa nasibnya sama dengan orang lain lalu harus tolong-menolong sesama orang, (ii) 'orang' adalah seseorang yang menganggap kesusahan orang lain sebagai masalahnya juga, (iii) 'orang' adalah seseorang yang menghadapi kesusahan dan kesenangan bersama dengan orang lain dan (iv) 'orang' mesti menyedari bahawa tidak ada sesiapa pun yang sempurna dalam dunia ini.

Menurut pandangan Melayu, semua orang dan benda dalam dunia ini tidak sempurna, iaitu mempunyai kebaikan serta keburukan. Sistem nilai Melayu menegaskan hakikat ini, jadi nilai-nilai Melayu tidak mengharapkan seorang individu menjadi seorang yang sempurna dan tidak mempunyai kelemahan langsung. Ungkapan 'cik Minah memakai merjan, disinar api cahaya gemerlap, dunia ini bumi mana tak kena hujan, manusia mana tak buat silap' bermakna bahawa setiap orang mempunyai kelemahan tersendiri, oleh itu setiap 'orang' dikehendaki bertimbang rasa, bertolak ansur dan memaafkan kesalahan orang lain. Sistem nilai Melayu juga mengingatkan bahawa seseorang anggota masyarakat tidak boleh bahagia atau merasa aman kalau anggota lainnya menderita kerana mereka hidup di tempat yang sama dan berada dalam keadaan yang sama. Ungkapan 'bagai limau masam sekerat, bagai perahu karam sebelah' menggambarkan nasib yang sama di antara anggota

masyarakat, iaitu kalau sesuatu menimpa kepada seseorang anggota masyarakat, orang lain pun akan mengalami kesusahan atau kemalangan bersama dengan orang tersebut kerana anggota-anggota masyarakat mempunyai nasib yang sama.

Oleh yang demikian, sistem nilai Melayu memberi peringatan kepada orang yang berasa gembira dan tidak bersimpati apabila melihat kemalangan orang lain kerana kemalangan orang lain itu boleh menimpa dirinya pada bila-bila masa sahaja, kerana nasib orang tidak diketahui sebelum ianya terjadi. Seseorang 'orang' harus menyedari bahawa nasib mereka berhubung kait dengan nasib orang lain dalam masyarakat maka tidak seharusnya senang hati melihat kesusahan orang lain. Sebaliknya dia harus kasihan ke atas nasib orang lain yang malang. Oleh itu, anggota-anggota dalam suatu masyarakat yang harmoni turut sama berasa gembira atau sedih ke atas hal anggota lain kerana mereka menyedari nasib yang sama sesama mereka. Ungkapan 'cubit paha kanan, paha kiri pun sakit juga' menegaskan bahawa anggota-anggota dalam suatu kelompok harus menghadapi segala keadaan bersama kerana nasib seseorang tidak boleh dipisahkan dengan nasib orang lain kerana mereka termasuk kelompok yang sama. Dengan adanya semangat kekitaan antara anggota masyarakat, mereka dapat bekerja sama dan tolong menolong sama ada dalam kehidupan. Oleh yang demikian, seseorang 'orang' dikehendaki bertindak bersama dengan anggota lain dalam pelbagai perkara. Pandangan ini bersesuaian dengan sifat belas kasihan terhadap orang susah. 'Orang' mesti menghadapi masalah orang lain untuk mengatasinya secara bersama-sama. Ungkapan 'telentang bersama menadah embun, tiarap sama memakan pasir' menggambarkan sikap sekumpulan orang yang bertindak bersama baik dalam keadaan senang maupun dalam keadaan yang susah.

Nilai-nilai Melayu menitikberatkan beberapa unsur yang mendatangkan perpaduan masyarakat, iaitu unsur kerja sama, tanggungjawab, kekitaan dan perikemanusiaan. Unsur kerja sama menegaskan sikap 'orang' dalam menjayakan

sesuatu perkara melalui sikap kerja sama dan tolong-menolong. Unsur tanggungjawab pula mementingkan kesedaran 'orang' terhadap tanggungjawab sendiri sebagai anggota masyarakat. Unsur ini mengingatkan bahawa tingkah laku dan perbuatan seseorang mempunyai pengaruh ke atas keadaan masyarakat. Unsur kekitaan menjelaskan bahawa keadaan harmoni hanya boleh dicapai melalui usaha semua pihak. Oleh itu, setiap 'orang' dikehendaki bertolak ansur dan mengorbankan kepentingan diri sendiri untuk kepentingan orang lain dan masyarakat. Unsur perikemanusiaan ini merangkumi perasaan belas kasihan kepada orang lain dan perasaan ini berdasarkan kepada anggapan bahawa setiap manusia tidak boleh sempurna kerana manusia mempunyai kekuatan bersama kelemahan. Oleh itu, setiap 'orang' harus memahami hakikat ini dan berkerja sama dan tolong-menolong dengan orang lain supaya saling melengkapi kelemahan orang. Dalam konteks ini unsur perikemanusiaan mempengaruhi unsur kerja sama.

## 2. 6 Nilai Estetik

Setiap masyarakat mempunyai kriteria untuk mengukur keindahan dan kecantikan. Ukuran ini diasaskan kepada nilai estetik. Walaupun Takdir Alisjahbana (1974) menggunakan nilai ini hanya untuk kecantikan dari segi luaran, pengkaji ingin mengubahsuaikan nilai estetik ini supaya nilai ini merangkumi kecantikan dalaman juga. Ini kerana sistem nilai Melayu menghargai bukan sahaja kecantikan luar tetapi juga keindahan dan kecantikan dalaman yang terjelma dalam bentuk kebaikan dan kemuliaan hati seseorang. Berdasarkan ini, pengkaji membincangkan unsur budi bahasa dan sopan santun yang merangkumi hampir semua sifat dan sikap yang dipandang indah dan baik.

## 2. 6. 1 Budi

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan untuk menjadi 'orang' dari segi budi.

'Tingkap papan kayu bersegi,  
Sampang sakat di Pulau Angsa ;  
Indah tampan kerana budi,  
Tinggi bangsa kerana bahasa'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 79)

'Hidup kayu berbuah,  
hidup manusia biar berjasa'.  
(Abdullah Hussain, 1989 : 83)

'Kalau sudah menuai ingatlah pada beliung'.  
(Tenas Effendy, 1989 : 205)

'Ada ubi ada batas,  
ada budi ada balas'. (Wilkinson & Windstedt, 1981 : 71)

'Pisang emas bawa ke Bentan,  
Masak sebijji di atas panggung ;  
Hutang emas berganti intan,  
Hutang budi badan menanggung'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 148)

'Seperti kacang lupakan kulit atau ulat lupakan daun'.  
(Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 174)

'Umpama orang campak bunga dibalas campak tahi'.  
(Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992 : 220)

'Hilang bini boleh dicari,  
hilang budi badan celaka'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 66)

Peribahasa dan pantun tersebut menyatakan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi budi seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang berbudi baik, (ii) 'orang' adalah seseorang yang berjasa pada orang lain, (iii) 'orang' adalah

seseorang yang menghargai jasa orang lain dan mengingatinya, (iv) 'orang' adalah seseorang yang berusaha membala budi orang lain, (v) seseorang yang tidak menghargai dan tidak mengingati jasa orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan (vi) seseorang yang membala jasa orang lain dengan perbuatan jahat adalah orang yang 'tidak jadi orang'. Sementara itu, peribahasa dan pantun Melayu ini juga menegaskan pentingnya budi seperti berikut (i) seseorang yang hilang budi mengalami kesusahan dan kemalangan dan (ii) seseorang dikehendaki menghargai budi lalu merasa berat kalau terhutang budi pada orang lain.

Unsur budi ini merangkumi perbuatan berbudi, berjasa dan balas budi. Budi adalah disanjung dan dihargai kerana hasil yang baik dan indah adalah berpunca daripada perbuatan seseorang yang berbudi. Dengan itu budi boleh memperlihatkan ketampanan dan keindahan seseorang. Orang yang berbudi sebenarnya telah menghiaskan diri sendiri dengan tingkah lakunya. Pandangan tersebut ternyata dalam pantun 'tingkap papan kayu bersegi, sampan sakat di Pulau Angsa, indah tampan kerana budi, tinggi bangsa kerana bahasa'. Nilai-nilai dan pentingnya budi tidak boleh diperkecilkan kerana nilai ringgit dan emas pun tidak sama dengannya kerana sistem nilai Melayu tidak menilai orang dengan harta benda atau kedudukan seseorang individu, tetapi dengan budi bahasanya. Oleh yang demikian, budi dipilih sebagai syarat yang paling penting untuk menjadi 'orang'. Ungkapan 'hidup kayu berbuah, hidup manusia biar berjasa' menasihati orang Melayu supaya berjasa dan berbudi kepada orang lain kerana kehidupan manusia baru bermakna hanya dengan perbuatan sedemikian.

Sistem nilai Melayu juga mementingkan sikap orang yang mengenang dan membala jasa dan budi orang lain. Oleh itu, seseorang yang terhutang budi kepada orang lain, misalnya melepaskan dirinya daripada kesusahan dengan bantuan orang dikehendaki menghargai dan menjunjungi bantuan tersebut. Ungkapan 'kalau sudah menuai ingatlah pada beliung' mengingatkan seseorang supaya mengenang dan

berterima kasih kepada orang yang berbudi padanya apabila mencapai kejayaan atau kesenangan dengan bantuannya. Dalam nilai-nilai Melayu kalau seseorang 'orang' ter hutang budi kepada orang lain, dia tidak lupa budi dan jasa tersebut dan akan membalaunya apabila ada peluang. Walaupun dia tidak mendapat kesempatan untuk membalaunya budi orang, dia tidak akan melupakan budi orang lain. Sikap 'orang' sedemikian ternyata dalam ungkapan 'ada ubi ada batas, ada budi ada balas'.

Seseorang 'orang' lebih merasa berat terhadap hutang budi daripada hutang emas kerana hutang emas boleh dijelaskan dengan wang tetapi hutang budi hanya dibayar dengan budi juga. Ungkapan di bawah ini menggambarkan perasaan seseorang yang ter hutang berbudi kepada orang lain. Ungkapan 'pisang emas bawa ke Bentan, masak sebiji di atas panggung, hutang emas berganti intan, hutang budi badan menanggung' menekankan bahawa kalau seseorang ber hutang wang maka hutangnya boleh dijelaskan dengan mudah. Sebaliknya seseorang yang ter hutang budi kepada orang lain, dia tidak boleh melupakan budi orang tersebut dan perasaan ter hutang budi akan berkekalan walaupun dia membalaunya budi. Sementara itu, seseorang yang tidak menghargai dan melupakan budi dan jasa orang digambarkan sebagai 'seperti kacang lupakan kulit' atau 'ulat lupakan daun'. Orang seperti ini hanya memuji usaha dan kemampuan sendiri sahaja. Dia tidak mempunyai ciri 'orang' dari segi budi. Ungkapan 'umpama orang campak bunga dibalas campak tahi' pula menggambarkan tingkah laku seseorang yang membalaunya budi baik orang lain dengan perbuatan jahat. Orang yang sedemikian adalah orang yang 'tidak jadi orang' dalam pemikiran orang Melayu.

Sistem nilai Melayu juga menjelaskan padah atau akibat daripada perbuatan yang tidak berbudi. Kalau seseorang kehilangan sesuatu barang, barang itu boleh diganti dengan barang lain, tetapi jika sudah hilang budi sukar dicari gantinya. Oleh itu, nilai-nilai Melayu menasihati supaya ahli-ahli masyarakat menjaga budi sendiri kerana kalau seseorang tidak berbudi, dia hilang semua yang

dia miliki seperti harta, kedudukan, kawan serta nama sebagai 'orang'. Ungkapan 'hilang bini boleh dicari, hilang budi badan celaka' menekankan bahawa hilang budi tidak boleh digantikan atau dipulihkan dengan barang lain lalu orang tersebut sendiri menanggung padah yang buruk daripada perbuatannya.

## **2. 6. 2 Bahasa**

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan untuk menjadi 'orang' dari segi sikap dan cara dalam tutur kata.

'Berbunyi bahasa diketahuilah bangsa'.  
(Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 61)

'Melangkah dengan pukal,  
berjalan dengan tawakal,  
bercakap dengan akal'.  
(Tenas Effendy, 1989 : 187)

'Sepatah cakap terhutang,  
sepatah cakap melepaskan hutang'.  
(Hose, 1933 : 145)

'Bisa ular pada taringnya,  
bisa lebah pada sengatnya,  
bisa manusia pada mulutnya'. (Tenas Effendy, 1989 : 175)

'Laksana buntal kembong, perut buncit dalamnya kosong'.  
(Muhammad Yusof Mustafa, 1965 : 180)

'Berhadap kasih mesra balik belakang lain bicara'. (Brown, 1951 : 5)

Peribahasa dan pantun tersebut menjelaskan kriteria dan panduan 'jadi orang' dari segi bahasa seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang lembut

bahasanya kerana bahasa yang digunakannya menunjukkan personaliti dan perwatakannya, (ii) 'orang' adalah seseorang yang bercakap dengan bijak dan berhati-hati, (iii) 'orang' adalah seseorang yang pintar menggunakan bahasa untuk mengelakkan kesusahan, (iv) 'orang' adalah seseorang yang berhati-hati bercakap kerana dia menyedari pentingnya penggunaan bahasa, (v) seseorang yang bercakap sahaja dan tidak menunaikan janji atau menghamparkan orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan (vi) seseorang yang mengumpat orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang'.

'Orang' dalam sistem nilai Melayu dari segi bahasa adalah orang yang menyedari pentingnya bahasa dan menggunakan dengan bijak. Dalam konteks ini latar belakang dan asal usul seseorang seperti kedudukan, pemikiran, falsafah dan perangainya boleh diketahui melalui bahasa yang digunakannya. Oleh sebab itu orang Melayu mengatakan 'bahasa menunjukkan bangsa'. Ungkapan 'berbunyi bahasa diketahuilah bangsa' menjelaskan bahawa keturunan, pendidikan dan kualiti seseorang boleh dikesan melalui tutur kata dan caranya bercakap. Sehubungan ini, memilih kata-kata yang lembut dan sesuai adalah satu perkara penting dalam pergaulan sosial kerana seseorang individu dikehendaki mengubahsuaikan bahasanya menurut keadaan, iaitu dalam keadaan formal atau informal dan kedudukan tertentu iaitu pangkat, kedudukan sosial, umur dan sebagainya. Jadi seseorang 'orang' dikehendaki mengetahui adat semasa bertutur. Justeru orang Melayu diberi panduan atau nasihat dalam percakapan mereka. Ungkapan 'melangkah dengan pukal, berjalan dengan tawakal, bercakap dengan akal' menekankan bahawa seseorang yang hendak bercakap lebih baik berfikir masak-masak dan menggunakan akalnya supaya tidak membuat kesilapan.

Sistem nilai Melayu sering mengingatkan bahawa cakap yang kurang sopan itu selalu membawa padah. Oleh itu, seseorang yang berbahasa hendaklah menjaga mulut dan lidahnya supaya tidak bercakap mengenai sesuatu perkara secara

yang terlampau, kerana bahasa boleh mendatangkan keuntungan atau kerugian menurut cara bagaimana ia dituturkan. Ungkapan 'sepatah cakap terhutang, sepatah cakap melepaskan hutang' menekankan pentingnya penggunaan bahasa yang bijak kerana seseorang yang bijak bercakap boleh melepaskan diri daripada kesusahan. Sebaliknya orang yang percakapannya tidak bijak mendatangkan padah buruk atau kerugian. Oleh yang demikian, sistem nilai Melayu menasihati orang Melayu supaya berhati-hati apabila bercakap supaya tidak menyinggung perasaan orang. Perkataan yang tidak difikir maksudnya boleh menjadi senjata yang berbahaya bagi orang yang berkenaan. Ungkapan 'bisa ular pada taringnya, bisa lebah pada sengatnya, bisa manusia pada mulutnya' menekankan bahawa cakap seseorang boleh melukakan hati orang dan menyebabkan keadaan yang tidak diingini berlaku jika percakapannya tidak dijaga. Walaupun bahasa itu sangat tajam dan berbahaya tetapi bahasa juga boleh membaki keadaan yang sengit atau perhubungan yang tidak baik. Dengan kata lain, dalam nilai-nilai Melayu bahasa itu boleh menjadi bisa atau penawar menurut cara menggunakannya.

Orang yang bercakap besar atau bercakap kosong adalah orang yang hendak membesar diri sendiri atau meninggikan diri sendiri apabila berhadapan dengan orang lain. Nilai-nilai Melayu mengingatkan orang Melayu bahawa kalau seseorang terlalu mempercayai kata atau janji orang yang bercakap besar, nanti dia akan berasa kecewa akhirnya kerana orang seperti itu boleh pecah amanah. Ungkapan 'laksana buntal kembong, perut buncit dalamnya kosong' bermaksud bahawa orang yang selalu bercakap besar sebenarnya tidak mempunyai apa-apa kemampuan atau kedudukan. Selain itu, mengumpat juga adalah perbuatan orang yang 'tidak jadi orang' kerana mengumpat lazimnya memburukkan orang lain dan menjelaskan hubungan antara sesama manusia. Orang yang mengumpat orang lain tidak menunjukkan maksudnya di depan orang yang berkenaan, sebaliknya dia berbuat baik, mesra dan bercakap pun manis di depan orang, tetapi memburukkan orang semasa orang yang diumpat tidak ada bersamanya. Ungkapan 'berhadap kasih

mesra balik belakang lain bicara' menggambarkan sikap dan perangai orang yang menggumpat orang lain, iaitu berlayan baik dan mesra di hadapanya tetapi berubah sikap menurut keadaan.

## **2. 6. 3 Sopan Santun**

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan untuk menjadi 'orang' dari segi sikap bersopan santun dan beradab.

'Bawa rasmi padi , semakin berisi makin menunduk,  
Jangan bawa rasmi jagung (lalang), makin berisi makin jagung'.  
(Harun Mat Piah, 1989 : 464)

'Tunduk kepala,  
bukan minta dipijak'. (Brown, 1951 : hlm. 51)

'Mengatakan diri bagai pisang berbuah lebat'.  
(Shellabear, 1965 : 71)

'Makan di luar, berak di dalam'. (Hose, 1933 : 103)

Peribahasa dan pantun tersebut menyatakan kriteria dan panduan terhadap 'jadi orang' dari segi sopan santun seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang merendahkan diri di hadapan orang walaupun dia lebih berkemampuan, (ii) seseorang yang menghebohkan kemampuan dan kekuatan sendiri adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan (iii) seseorang yang biadab dan tidak tahu tempat dan kelakuan yang wajar adalah orang yang 'tidak jadi orang'. Sementara itu, peribahasa tersebut juga memberi nasihat tentang sikap orang terhadap orang yang bersopan santun, iaitu seseorang dikehendaki supaya tidak menghina orang yang merendah diri kerana sifat sopannya.

Sopan santun merupakan salah satu contoh sikap yang indah kerana sopan santun adalah kelakuan menjaga adat masyarakat, maruah diri sendiri dan hormat diri sendiri. Tingkah laku yang lemah lembut dan beradab semasa bergaul dengan orang lain termasuklah kepada kelakuan bersopan santun ini. Orang yang bersopan santun tidak menonjolkan diri sendiri kepada orang ramai dan sebaliknya merendahkan diri sendiri di depan orang. Orang yang bersopan santun diibaratkan sebagai padi, kerana semakin dia mempunyai atau menambah sesuatu seperti perngetahuan, kekayaan dan kedudukan semakin dia merendahkan diri. Ungkapan 'bawa rasmi padi, semakin berisi makin menunduk, jangan bawa rasmi jagung (lalang), makin berisi makin jegung' menasihati orang Melayu supaya bersopan dan rendah diri walaupun mempunyai kemampuan dan kedudukan yang tinggi. Walaupun seseorang 'orang' itu bersopan santun, merendahkan diri dan bersikap lemah lembut, orang lain tidak boleh merendahkannya kerana orang bersopan tersebut tidak ingin dihina atau dianggap sebagai orang yang bodoh oleh orang lain. Ungkapan 'tunduk kepala, bukan minta dipijak' mengingatkan orang Melayu supaya tidak menghinakan orang yang rendah diri di hadapan kita, kerana tujuannya bukan menghina diri sendiri tetapi ingin bersopan santun.

Sementara itu, terdapat beberapa unsur yang berlawanan dengan ciri-ciri 'orang' dari segi sopan santun, iaitu sompong, tinggi diri dan biadab. Sikap sompong berlawanan dengan sopan santun yang dinilai tinggi oleh orang Melayu. Orang yang sompong adalah orang yang selalu meninggi diri atau memuji diri sendiri, bermegah diri, angkuh, takkabbur dan membesar diri. Orang sedemikian tidak dipuji oleh orang lain. Ungkapan 'mengatakan diri bagi pisang berbuah lebat' menggambarkan seseorang yang memuji kemampuan diri sendiri kepada orang lain. Orang biadab pula dipandang rendah dalam sistem nilai Melayu kerana seseorang 'orang' diharapkan tidak melanggar adat dan tidak melepassi hadnya kerana adat harus dijaga untuk mengekalkan budaya dan kewujudan masyarakat tertentu. Tingkah laku

orang yang biadab tidak dapat dijangka dan tidak tentu arahnya maka orang yang berhampiran dengannya berasa tidak selesa atau tidak selamat kerana tidak tahu bila dia akan ditimpa padah buruk dari kelakuan orang itu. Orang yang biadab tidak sedar peraturan, pantang masyarakat dan sempadan kelakuan oleh itu, dia bertingkah laku sesuka hatinya. Ungkapan 'makan di luar, berak di dalam' menggambarkan sikap orang yang biadab, iaitu tidak tahu adat lalu membuat perbuatan yang tidak wajar.

Unsur budi bahasa merupakan asas nilai yang tertinggi terhadap 'orang' dari segi estetik kerana unsur ini merangkumi segala sifat, sikap dan perbuatan manusia yang baik, indah dan wajar. Unsur sopan santun pula adalah unsur sikap dan tingkah laku baik seseorang yang mengikut adat dan peraturan masyarakat. Kedua-dua unsur tersebut mempengaruhi nilai perpaduan dengan sikap dan perbuatan yang mementingkan hubungan harmoni dengan orang lain. Misalnya, unsur balas-membalas budi mengeratkan hubungan di antara anggota masyarakat. Sementara itu unsur-unsur yang berlawan dengan unsur budi bahasa dan sopan santun adalah unsur hilang budi, biadab, sompong, tidak bertanggungjawab dan mengumpat. Apa yang ditegaskan di sini ialah unsur-unsur ini menjelaskan bukan sahaja keindahan atau nama baik seseorang dari segi nilai estetik tetapi juga memusnahkan suasana baik atau keharmonian masyarakat.

## **2. 7 Nilai Agama**

Orang yang beragama lazimnya berusaha berkelakuan mengikut ajaran agama dan membuat hubungan baik dengan Tuhan. Oleh itu, orang Melayu menganggap orang beriman adalah orang yang boleh diharap lalu nilai agama ini mempengaruhi kriteria dan padangan orang Melayu terhadap konsep 'jadi orang'. Walaupun agama adalah hal peribadi, ia menjadi kriteria untuk menilai seseorang

individu dalam masyarakat Melayu kerana pandangan Melayu menganggap bahawa sikap dan tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh agama Islam. Nilai agama ini berkaitan dengan unsur kealiman, beriman dan maruah.

## **2. 7. 1 Beriman**

Perkataan 'iman' bermakna kepercayaan akan adanya Allah dan mematuhi segala suruhan-Nya sementara 'beriman' membawa makna mempunyai iman, patuh kepada larangan dan suruhan Allah, berpegang kuat kepada ajaran agama. (Kamus Dewan, 1991: 147) Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan untuk menjadi 'orang' dari segi keimanan.

'Angin bertiup kembangkan layar, Haluan menuju ke Pekan,  
Hendaklah hidup berkihtiar, Kemudian serahkan Tuhan'.  
(Zainal Abidin Bakar, 1984 : 141)

'Malang tak boleh ditolak, mujur tak boleh diraih'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 20)

'Tuah ayam dapat dilihat, tuah manusia siapa tahu'.  
(A. Samad Idris, 1989 : 71)

'Untung sabut timbul, untung batu tenggelam'.  
(Hamilton, 1955 : 71)

'Bukit jadi paya, paya jadi bukit'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 20)

'Halia ini tanam-tanaman,  
Di barat sahaja akan tumbuhnya ;  
Dunia ini pinjam-pinjaman,  
Akhirat juga akan sungguhnya'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 63)

Peribahasa dan pantun tersebut memberi penjelasan terhadap pandangan orang Melayu terhadap kepercayaan. Maka 'orang' yang beriman adalah (i) percaya pada Tuhan lalu pasrah kepada Tuhan, (ii) mempercayai takdir yang ditentukan oleh Tuhan, (iii) menyedari bahawa nasib orang tidak dapat ditilik olehnya, (iv) mengetahui pelbagai nasib dan keuntungan masing-masing, (v) menyedari bahawa nasib orang selalu berubah dan (vi) percaya pada hari akhirat.

Unsur beriman adalah kepercayaan seseorang terhadap agama Islam, termasuk Tuhan, takdir, nasib dan keinsafan terhadap dunia. Menurut sistem nilai Melayu, nasib dan rezeki yang telah ditentukan oleh Yang Maha Berkuasa dan seseorang tidak dapat dielakkan dengan mudah. Sistem nilai-nilai Melayu menegaskan bahawa nasib seseorang telah ditetapkan oleh Tuhan, maka seseorang individu harus berusaha dahulu dan menyerahkannya kepada Tuhan. Ungkapan 'angin bertiup kembangkan layar, haluan menuju ke Pekan, hendaklah hidup berkihtar, kemudian serahkan Tuhan' menekankan bahawa seseorang harus berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamatnya dan selepas itu baru pasrah kepada Tuhan.

Menurut nilai-nilai Melayu, kalau seseorang telah ditakdirkan menjalankan kehidupannya sebagai orang miskin, misalnya, orang tersebut tidak boleh melepaskan dirinya daripada keadaan yang ditentukan oleh Tuhan. Ungkapan 'malang tak boleh ditolak, mujur tak boleh diraih' menyatakan bahawa nasib seperti malang dan mujur tidak boleh diubah oleh manusia. Nasib seseorang tidak dapat diketahui sebelum ianya berlaku kerana semuanya berada di tangan Tuhan. Tuhan sajalah mengetahui arah nasib seseorang. Oleh itu, orang tidak boleh memastikan atau menilik nasibnya. Ungkapan 'tuah ayam dapat dilihat, tuah manusia siapa tahu' mengatakan bahawa seseorang tidak boleh menjangka nasib sendiri, atau memastikan sesuatu hasil daripada usaha dan tidak semestinya mengharapkan sangat kerana kadangkala punca dan akibatnya tidak selaras.

Walaupun terdapat banyak ungkapan yang berbunyi bahawa nasib dan rezeki orang tidak boleh diubah kerana ia tergantung kepada Tuhan, ia tidak bermakna orang Melayu menyerahkan segalanya kepada kepercayaan, takdir atau nasib. Orang Melayu percaya kepada takdir dalam hal seperti ajal, maut, pertemuan dan jodoh tetapi mereka berpendapat bahawa nasib orang boleh berubah menurut usaha sendiri. Nilai Melayu juga menggambarkan kepercayaan Melayu bahawa setiap orang mempunyai keupayaan sendiri yang boleh mengubah nasib sendiri jika dia menggunakan dengan bijak. Oleh itu arah nasib seseorang tidak sama dengan orang lain kerana setiap orang mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Dengan kata lain sesuatu sifat yang menjadi kelebihan kepada seseorang itu boleh menjadi kelemahan kepada orang lain yang berada dalam keadaan yang berlainan. Ungkapan 'untung sabut timbul, untung batu tenggelam' mengatakan bahawa setiap barang mempunyai kelebihan dan kegunaan seta nasibnya sendiri.

Sistem nilai Melayu menegaskan bahawa nasib seseorang boleh berubah pada bila-bila masa. Seseorang yang mengalami kesusahan pada masa ini tidak bermakna dia sentiasa berada dalam keadaan yang sama. Suatu hari kelak dia boleh menikmati kesenangan. Begitu juga dengan orang yang senang sekarang boleh jadi akan susah juga pada suatu masa nanti. Pusingan atau putaran kehidupan ini selalu menukar wajahnya daripada kesenangan kepada kepalaan dan kesusahan atau daripada kegembiraan kepada kesedihan dan sebagainya. Ini bermakna walaupun seseorang sedang menikmati kesenangan hidup ia tidak menjamin kesenangan orang itu berkekalan. Nilai-nilai Melayu menegaskan bahawa kalau ada kesenangan sekarang tentu kesusahan akan menyusulnya kerana nasib baik dan nasib malang selalu bergiliran dalam dunia ini. Ungkapan 'bukit jadi paya, paya jadi bukit' bermaksud bahawa kadangkala nasib seseorang atau suatu benda berubah, iaitu tuah dan malang datang secara bergiliran.

## 2. 7. 2 Alim

Perkataan 'alim' berasal dari bahasa Arab dan membawa makna (i) berilmu, berpengalaman dengan mendalam dalam hal agama (Islam) (ii) patuh kepada ajaran agama serta rajin beribadat dan salih. (Kamus Dewan , 1991: 27) Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan untuk menjadi 'orang' dari segi alim.

'Malas hamba menyelam bubu, takut terpijak binatang berbisa ;  
Orang malas menuntut ilmu, Di akhirat kelak badan binasa'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 68)

'Anak ayam turun lima, Mati seekor tinggal empat ;  
Turut mengikut alim ulama, Supaya berbetulan jalan makrifat'.<sup>1</sup>  
(Zainal Abidin Bakar, 1984 : 70)

'Kenumu di dalam semak, Jatuh melayang selarnya ;  
Meski ilmu setinggi tegak, Tidak sembangang apa gunanya'.  
(Zainal Abidin Bakar, 1984 : 67)

Peribahasa dan pantun tersebut menyatakan kriteria dan panduan terhadap 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' dari segi alim, iaitu (i) 'orang' adalah seseorang yang tidak malas menuntut ilmu, (ii) 'orang' adalah seseorang yang berusaha mengikut dan mencontohi alim-ulama dan (iii) 'orang' adalah seseorang yang alim dan mengimbangkan kelakuan atau amalan dengan ilmunya.

Sistem nilai Melayu menegaskan bahawa seseorang 'orang' harus menimba ilmu supaya menjadi umat Islam yang memahami segala ajaran Tuhan dan bersedia untuk hari akhirat kelak. Oleh itu, dalam dunia ini seseorang 'orang' harus belajar segala faktor yang diperlukan oleh agama untuk selamat pada hari akhirat. Ungkapan 'malas hamba menyelam bubu, takut terpijak binatang berbisa, orang malas menuntut ilmu, di akhirat kelak badan binasa' memberi amaran kepada orang

Melayu supaya jangan menjadi malas untuk mencari ilmu kerana orang yang tidak berilmu tidak akan selamat di akhirat. Nilai-nilai Melayu memberi panduan kepada orang Melayu supaya mengikuti segala sifat yang murni dan tingkah laku orang alim, kerana dengan cara ini seseorang yang bukan alim pun boleh mendekati jalan yang betul dari segi agama Islam. Oleh itu, seseorang yang alim boleh menjadi pemimpin kepada orang-orang Melayu atau memberi teladan yang baik kepada mereka. Ungkapan 'anak ayam turun lima, mati seekor tinggal empat, turut mengikut alim ulama, supaya berbetulan jalan makrifat' menasihatan orang Melayu supaya mengikuti tingkah laku orang alim 'ulama dan belajar daripada mereka supaya mendapat makrifat atau pengetahuan.

Walaupun unsur alim ini sangat penting dalam nilai-nilai terhadap 'orang', apa yang harus mengingatkan ialah nilai-nilai Melayu ini lebih mementingkan amalan daripada ilmu pengetahuan. Dengan kata lain, ilmu pengetahuan seseorang itu tidak bermakna tanpa amalannya. Seseorang 'orang' dari segi agama dikehendaki mengimbangkan ilmu pengetahuan dan amalan atau perbuatannya. Ungkapan 'kenumu di dalam semak, jatuh melayang selarnya, meski ilmu setinggi tegak, tidak sembahyang apa gunanya' memaksudkan bahawa walaupun seseorang yang berilmu tinggi, kalau dia tidak mengamalkan dan tidak menggunakan ilmu itu dengan bijak, ilmu pengetahuan yang dimilikinya tidak berguna.

## **2. 7. 3 Maruah**

Peribahasa dan pantun berikut menggambarkan kriteria 'jadi orang' dan 'tidak jadi orang' serta panduan untuk menjadi 'orang' dari segi maruah.

'Harimau mati tinggal belangnya,  
Gajah mati tinggal tulangnya,  
manusia mati tinggal nama'. (Harun Mat Piah, 1989 : 460)

'Mengalah kain payah juga ke ceruk,  
mengalah cakap di mata-mata sahaja'.  
(Abdullah Hassan & Anion Mohd., 1993 : 275)

'Ikut hati mati, ikut rasa binasa'.  
(Wilkinson & Winstedt, 1981 : 70)

'Di luar madu di dalam hempedu'.  
(Hamilton, 1955 : 63)

'Tjuk-ijuk tali perahu,  
tali bemban mengikat rakit ;  
Besok-besok baharu,  
menaruh dendam jadi penyakit'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 138)

'Bagai bersumur di tepi rawa'.  
(Abdullah Hussain, 1989 : 17)

'Todak menyerang Singapura,  
Habis dikerat dicincang lumat ;  
Bila khianat pada manusia,  
di dunia akhirat tak selamat'.  
(Zainal Abidin Abu Bakar, 1984 : 61)

Berdasarkan peribahasa dan pantun tersebut, kriteria dan panduan untuk 'jadi orang' didapati seperti berikut (i) 'orang' adalah seseorang yang menyadari pentingnya nama baik dan maruah sebagai manusia dan menjaganya dengan baik, (ii) seseorang yang sentiasa berubah cakap dan mungkir janjinya adalah orang yang 'tidak jadi orang', (iii) seseorang yang mengikut hawa nafsu adalah orang yang 'tidak jadi orang', (iv) seseorang yang bermuka dua adalah orang yang 'tidak jadi orang', (v) seseorang yang berdendam hati pada orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang', (vi) seseorang yang cemburu pada orang lain dan berusaha menghilangkan atau menjejaskan kesenangan orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan (vii) seseorang yang mengkhianati orang lain adalah orang yang 'tidak jadi orang' dan menerima hukuman atau penderitaan kemudian.

Unsur maruah adalah berkaitan dengan ciri-ciri manusia sebagai makhluk yang murni dan berakal. Di antaranya ialah tahu malu, sabar, tanggungjawab, jujur, timbang rasa dan sebagainya. Setiap orang dilahirkan dengan maruah sendiri sebagai manusia yang murni dan maruah ini merupakan ciri penting dalam nilai 'orang'. Kepada seorang 'orang', nama yang baik adalah di antara salah satu faktor yang penting di dalam hidupnya, kerana itu dia dikehendaki menjaga nama baik diri, keluarga dan masyarakat yang dianggotainya dengan perbuatan wajar sebagai manusia. Ungkapan 'harimau mati tinggal belangnya, gajah mati tinggal tulangnya, manusia mati tinggal nama' menekankan bahawa nama baik atau reputasi adalah perkara yang penting untuk dijagai oleh setiap orang supaya bermaruah.

Dalam nilai-nilai Melayu, orang yang bermuka tebal adalah orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak pernah merasa malu ke atas kesalahannya sendiri. Orang seperti ini boleh melakukan apa sahaja yang dia hendak tanpa memikirkan sama ada ia membawa kebaikan atau rasa malu kepada diri sendiri. Dia juga tidak bertanggungjawab kepada hasil yang buruk dari perbuatannya sendiri. Orang jenis ini tidak mempunyai tanggungjawab ke atas perbuatan dan percakapan sendiri. Ungkapan 'mengalih kain payah juga keceruk, mengalih cakap di mata-mata sahaja' bermaksud bahawa seseroang yang tidak bertanggungjawab ke atas percakapan dan perbuatan sendiri maka selalu berubah cakap dan sikapnya.

Sementara sikap mengikut nafsu sahaja adalah sifat keji dan ia boleh membawa kemalangan atau keburukan kepada seseorang yang sudah berkelakuan sedemikian. Nafsu biasanya bertentangan dengan peraturan-peraturan masyarakat kerana jikalau semua orang berkelakuan mengikut nafsu, masyarakat tersebut akan menjadi huru-hara. Setiap 'orang' dikehendaki berkelakuan mengikut akal supaya masyarakat yang dianggotainya mencapai keamanan dan ketenteraman. Nafsu

seorang 'orang' boleh dikawal oleh sikap bertanggungjawab dan bertimbang rasa melalui pendidikan. Sebaliknya nafsu akan menguasai kelakuan seseorang yang tidak 'jadi orang'. Ungkapan 'ikut hati mati, ikut rasa binasa' memberi amaran kepada orang Melayu bahawa kalau seseorang hanya mengikut nafsu sahaja dalam kelakuannya akan menerima padah yang buruk.

Sementara itu, terdapat juga sifat-sifat yang jahat yang boleh menjelaskan kebahagiaan dan ketenteraman orang lain. Nilai-nilai Melayu menganggap bahawa sifat-sifat jahat adalah daripada sifat syaitan atau iblis dan sifat ini berlaku mengikut nafsu. Di antaranya ialah sifat menipu, bermuka dua, dendam, irihati, menghina dan mengkhianati orang lain. Orang yang bermuka-dua adalah orang yang menunjukkan perbuatan dan percakapan yang manis dan mesra di hadapan orang, tetapi kalau di belakang orang dia cuba memburukkan nama orang, menipu dan mendatangkan keburukan kepada orang yang dekat dengannya. Ungkapan 'di luar madu di dalam hempedu' menggambarkan seseorang yang berbuat baik di depan tetapi sebaliknya menyimpan maksud yang jahat di dalam hatinya.

'Dendam hati' bermakna perasaan atau keinginan hendak membalaas kejahanatan sementara 'cemburu' bermakna iri hati kerana orang lain pandai, berharta dan lain-lain sementara 'dengki' bermakna kebencian kerana cemburu sementara 'hasad' pula bererti dengki dan cemburu. (Kamus Dewan, 1991 : 207 & 268) Dari segi mental atau rohani, dendam hati adalah perasaan yang tidak sihat kerana orang yang mempunyai dendam dan iri hati, selalunya tidak tenteram dan tidak aman. Dendam adalah perasan atau keinginan yang buruk untuk menghapuskan keselesaan dan kesenangan orang lain maka mengharap bahawa orang lain akan mengalami kecelakaan. Ungkapan 'ijuk-ijuk tali perahu, tali beman mengikat rakit, besok-besok baharu, menaruh dendam jadi penyakit' bermakna kalau seseorang menyimpan perasaan atau rasa dedam terhadap orang lain, perbuatan itu mengganggu ketenteraman sendiri maka orang tersebut sentiasa tidak boleh merasa selesa atau

senang hati. Iri hati adalah perasaan yang tidak senang apabila melihat kesenangan atau kegembiraan orang lain. Orang yang iri hati bukan sahaja kepada orang yang tidak disukainya tetapi juga kepada orang yang dekat dan rapat dengannya kalau mereka mendapat kesenangan. Orang yang iri hati tidak merasa senang dengan kesenangan orang lain kecuali dia mendapat sesuatu daripada orang itu. Ungkapan 'bagai bersumur di tepi rawa' menggambarkan sikap iri hati dan cemburu pada orang lain sehingga cuba merampas kemampuan atau kesenangan orang lain.

Menghina dan mengkhianati orang lain adalah kelakuan yang jahat. Kelakuan tersebut boleh melukakan hati orang yang berkenaan dan boleh mencetuskan perasaan dendam kepada orang yang berbuat demikian. Dengan menghina orang lain, seseorang tentunya mendapat lebih ramai musuh. Oleh yang demikian, sistem nilai Melayu menasihati supaya berperikemanusiaan atau berbelas kasihan sesama manusia. Ungkapan 'todak menyerang Singapura, habis dikerat dicincang lumat, bila khianat pada manusia, di dunia akhirat tak selamat' memberi amaran bahawa kalau berbuat jahat atau menyiksa pada orang lain, dia akan mendapat padah yang buruk atau menderita pada akhirat.

Nilai agama menegaskan unsur-unsur yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Tuhan dan kesedaran atau insaf. Unsur alim ditegaskan kerana setiap 'orang' harus mengetahui ajaran dan hukum agama Islam sebagai umat Islam supaya bersiap sedia untuk akhirat. Salah satu faktor penting dalam unsur alim ini adalah keseimbangan di antara kealiman seseorang dan amalannya. Unsur beriman menegaskan kepercayaan Melayu terhadap takdir, akhirat dan nasib. Walaupun orang Melayu mempunyai kepercayaan bahawa nasib segala barang dan orang terletak di tangan Tuhan, nilai-nilai Melayu juga menasihatkan orang Melayu supaya berusaha sedaya upaya sebelum pasrah kepada Tuhan. Unsur maruah menjelaskan kesedaran 'orang' sebagai manusia yang mempunyai sifat-sifat murni yang

dikurniakan oleh Tuhan. Jadi nilai Melayu menggalakkan setiap 'orang' supaya menjaga nama baik 'orang' dengan menggunakan segala sifat dan sikap 'orang'.

## 2. 8 Kesimpulan

Dalam peribahasa dan pantun Melayu, terdapat pelbagai ciri-ciri 'jenis personaliti unggul' (ideal personality type) yang diperlukan supaya seseorang individu dianggap sebagai 'orang' dalam masyarakat Melayu. Dengan meneliti peribahasa dan pantun Melayu, didapati ciri-ciri 'jenis personaliti unggul' (ideal personality type) atau 'jadi orang' serta ciri-ciri 'tidak jadi orang' yang ditekankan dan diutamakan oleh orang Melayu dari zaman dahulu. Dari ciri-ciri 'jadi orang' yang terjelma dalam peribahasa dan pantun, pengkaji menumpukan kepada 19 unsur utama, iaitu jimat-cermat, usaha dan rajin, penggunaan, ilmu, berakal, pengalaman, pangkat, kehormatan, berani, kerjasama, tanggungjawab, semangat kekitaan, perikemanusiaan, budi, bahasa, sopan santun, beriman, alim dan maruah. Sementara itu, ciri-ciri 'tidak jadi orang' adalah sifat tamak, kedekut, boros, malas, tidak berilmu, pandangan sempit, lemah semangat, tidak bekerja sama, tidak tolong-menolong, tidak bertanggungjawab, mengikut hawa nafsu, sompong, cemburu, dengki, khianat orang lain, hilang budi, biadab, mengumpat, tidak beriman, tidak alim dan tidak ada perikemanusiaan. (Lihat Rajah 2-2) Unsur-unsur tersebut dibahagiakan kepada 6 kategori, iaitu nilai ekonomi, ilmu, kuasa, perpaduan, estetik dan agama.

Dari segi nilai ekonomi, ciri-ciri 'orang' ialah sifat rajin dan usaha dan penggunaan yang bijak. Nilai-nilai Melayu lebih pentingkan cara atau kaedah untuk mencapai sesuatu daripada hasil yang dimilikinya. Walaupun sifat-sifat rajin, berusaha dan berguna merupakan ciri-ciri individu, seseorang 'orang' memiliki sifat-sifat tersebut bukan sahaja menjayakan diri sendiri dalam kerjayanya tetapi juga

Jadual 2-2 : Ciri-ciri 'orang' dan 'tidak jadi orang'

Ciri-Ciri 'Orang'		Ciri-Ciri 'Tidak Jadi Orang'
Sederhana /jimat-cermat	← ----- →	Tamak / Boros / Kedekut
Rajin / Usaha	← ----- →	Malas
Berguna	← ----- →	Tidak Berguna
Berilmu	← ----- →	Tidak Berilmu
Berakal / Bijaksana	← ----- →	Bodoh / Sia-Sia
Berpengalaman	← ----- →	Berpandangan Sempit / Cerewet
Pangkat	← ----- →	---
Kehormatan	← ----- →	Mendapat Malu
Bernani	← ----- →	Lemah semangat / Penakut
Bekerja sama	← ----- →	Tidak Bekerja sama
Bertanggungjawab	← ----- →	Tidak Bertanggungjawab
Semangat Kekitaan	← ----- →	Sombong / Tinggi diri
Perikemanusiaan	← ----- →	Cemburu / Dengki / Khianat
Berbudi	← ----- →	Tidak Berbudi / Hilang budi
Bersopan / Santun	← ----- →	Biadab
Berbahasa	← ----- →	Mengumpat / Banyak mulut
Beriman	← ----- →	Tidak Beriman
Alim	← ----- →	Tidak alim
Maruah	← ----- →	Hilang Maruah

menggunakan sifat-sifat itu demi kebaikan masyarakat. Oleh itu, seseorang dinilai bukan berdasarkan kemampuan individu, tetapi berdasarkan sumbangannya kepada masyarakat. Dari segi nilai ilmu, ciri-ciri 'orang' ialah berilmu pengetahuan, berpengalaman dan juga berakal atau bijaksana. Nilai-nilai Melayu sangat mementingkan ilmu pengetahuan atau pendidikan untuk 'jadi orang' kerana ilmu pengetahuan merupakan asas atau panduan untuk perbuatan, kelakuan, sifat dan sikap yang wajar dan beradab. Ilmu pengetahuan yang paling dihargai adalah ilmu yang menyumbangkan masyarakat. Penggunaan akal dengan bijak pula ditegaskan dalam ciri-ciri 'orang' kerana setiap manusia telah diberi kekuatan untuk berfikir atau berakal oleh Tuhan supaya dia menggunakan kekuatan itu untuk membuat keputusan dan kelakuan yang sebaik mungkin. Oleh itu, seseorang manusia boleh mendapat nama 'orang' dengan menggunakan 'akal' dengan bijak. Pengalaman hidup juga diutamakan dalam kriteria Melayu terhadap 'orang' kerana seseorang individu berpengalaman menjadi lebih bijaksana dan berguna kalau dia menggunakan pengalaman itu dengan baik dan mengelakkan kesilapan dan kesalahan yang telah dialaminya.

Ciri-ciri 'orang' dari segi nilai kuasa mengandungi unsur pangkat, kehormatan dan berani atau bersemangat. Nilai yang paling tinggi dalam nilai kuasa ini adalah mendapat kehormatan dari orang lain dan masyarakat kerana sifat dan sikap yang patut diberi penghormatan seperti alim, berbudi dan menyumbangkan kepada masyarakat. Nilai kuasa ini menentukan siakah yang berkelayakan mendapat kuasa atau siakah tidak mengikut kelayakan mereka termasuk pangkat, sifat dan sikap. Nilai Melayu juga lebih menghargai sumbangan seseorang individu kepada masyarakat daripada kedudukan atau kemampuan seseorang individu. Sementara itu, seseorang boleh menghilangkan kedudukan dalam masyarakat dengan perbuatan yang tidak wajar dan merosakkan nama baik mereka.

Nilai Melayu terhadap kriteria 'jadi orang' menitikberatkan beberapa unsur yang mendarangkan perpaduan masyarakat, iaitu kerja sama, tanggungjawab, semangat kekitaan dan perikemanusiaan. Unsur kerja sama menegaskan sikap 'orang' yang menjayakan sesuatu perkara melalui kerja sama dan tolong-menolong. Tanggungjawab pula menjadi ciri 'orang' kerana nilai-nilai Melayu mementingkan kesedaran 'orang' terhadap tanggungjawab sendiri sebagai anggota masyarakat. Menurut nilai-nilai Melayu, keadaan harmoni hanya boleh dicapai melalui usaha dari semua pihak dalam masyarakat. Oleh itu, setiap 'orang' dikehendaki bertolak ansur dan mengorbankan kepentingan diri sendiri untuk kepentingan orang lain dan masyarakat. Unsur perikemanusiaan merangkumi perasaan belas kasihan kepada orang lain dan perasaan ini berdasarkan kepada pandangan Melayu bahawa setiap manusia tidak sempurna kerana manusia mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Oleh itu, setiap 'orang' harus menerima hakikat ini lalu berkerja sama dan tolong-menolong dengan orang lain supaya saling melengkapi kelemahan masing-masing.

Unsur budi bahasa merupakan ciri-ciri 'orang' yang paling penting dari segi estetik kerana unsur ini merangkumi segala sifat, sikap dan perbuatan manusia yang baik, indah dan wajar. Unsur sopan santun menekankan ciri-ciri 'orang' yang mengikut adat dan peraturan masyarakat supaya bersikap dan berkelakuan baik. Kedua-dua unsur tersebut mempengaruhi perpaduan masyarakat dengan sikap dan perbuatan yang mementingkan hubungan baik dengan orang lain. Nilai agama menegaskan ciri-ciri 'orang' yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Tuhan dan mempunyai kesedaran atau keinsafan. Seseorang 'orang' yang alim adalah orang yang mengimbangkan kealiman dan amalannya. Unsur beriman menegaskan kepercayaan Melayu terhadap takdir, akhirat dan nasib. Walaupun orang Melayu mempunyai kepercayaan bahawa nasib segala barang dan orang terletak di tangan Tuhan, nilai-nilai Melayu juga menasihatkan orang Melayu supaya mereka berusaha sedaya upaya sebelum pasrah kepada Tuhan. Unsur maruah menjelaskan kesedaran

'orang' sebagai manusia yang mempunyai sifat-sifat murni yang dikurniakan oleh Tuhan. Jadi nilai Melayu menggalakkan setiap 'orang' supaya menjaga nama baik 'orang' dengan menggunakan segala sifat dan sikap 'orang'.

Walaupun kriteria terhadap 'orang' dari enam kategori tersebut merupakan syarat atau ciri-ciri 'orang', namun ia saling berinteraksi dan saling lengkap melengkap di antara satu sama lain. Interaksi di antara enam nilai boleh diuraikan seperti berikut ;

( i ) Nilai ekonomi - Nilai estetik - Nilai perpaduan

Nilai ekonomi berkaitan dengan nilai estetik (budi) kerana dalam konsep 'jadi orang', seseorang individu tidak boleh mendapat nama sebagai 'orang' seandainya dia hanya mempunyai kekayaan atau pangkat sahaja tanpa budi. Peribahasa 'buah cempedak di hutan duri, jatuh sebiji dimakan ulat, jikalau tidak bahasa dan budi, apa guna kaya berdaulat' menunjukkan pandangan orang Melayu terhadap pentingnya tiga-tiga nilai tersebut dalam konsep 'jadi orang'. Selain itu, nilai ekonomi (penggunaan bijak) menyumbangkan kepada nilai perpaduan. Misalnya, seseorang individu yang ingin menjadi 'orang' mesti pandai menggunakan kemampuan sendiri demi kebaikan dan kepentingan masyarakat. Peribahasa 'yang pekak pembakar meriam, yang buta mengembus lesong, yang lumpuh penghalau ayam, yang pekong penjemuran, yang kurap pemikul buluh' menjelaskan bahawa kalau setiap individu menggunakan kebolehan sendiri dengan bijaksana, ia menyumbangkan kepada perpaduan, kemajuan dan kebaikan masyarakat.

( ii ) Nilai Ilmu - Nilai Agama - Nilai Kuasa - Nilai Ekonomi

Dalam pemikiran orang Melayu, ilmu bermakna bukan sahaja ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui pendidikan formal tetapi juga ilmu agama yang

diperlukan sebagai umat Islam. Peribahasa 'malas hamba menyelam bubu, takut terpijak binatang berbisa, orang malas menuntut ilmu, di akhirat kelak badan binasa' menyatakan bahawa seseorang 'orang' harus menuntut ilmu demi kebaikan sendiri. Oleh yang demikian, nilai ilmu ini bersangkut paut dengan nilai agama. Di samping itu, seseorang 'orang' harus bertingkah laku dengan bijaksana supaya mengelakkan keadaan yang boleh merosakkan nama baik atau hilang maruah. Peribahasa 'burung merebuk terbang melayang, hinggap bertenggek didahan mati, kalau menepuk air di dulang, nanti memercik ke muka sendiri' menyatakan bahawa tindakan yang tidak bijak mendatangkan kesan buruk, iaitu mendapat malu atau hilang maruah. Dalam konteks ini nilai ilmu (bijaksana) merupakan syarat untuk memiliki nilai agama, iaitu menjaga maruah sebagai 'orang'.

Nilai ilmu dan nilai agama juga mempengaruhi nilai kuasa kerana seseorang 'orang' berilmu mendapat kuasa dan kehormatan kerana dia boleh memimpin orang lain yang kurang berilmu. Peribahasa 'anak ayam turun lima, mati seekor tinggal empat, turut mengikut alim ulama, supaya berbetulan jalan makrifat' menggambarkan sikap orang yang kurang berilmu hendak mengikut gerak-geri orang berilmu atau orang alim supaya mengambil tindakan yang bijaksana dan mengikut jalan yang betul dalam pandangan agama Islam. Selain itu, dalam pemikiran orang Melayu, seseorang yang berumur tua patut dihormati kerana dia telah berpengalaman luas melalui kehidupannya. Peribahasa 'haruslah air disauk, dan ranting dipatah, lama hidup banyak merasa, jauh berjalan banyak dilihat' menggambarkan pandangan orang Melayu terhadap orang yang berpengalaman. Oleh itu, nilai ilmu (pengalaman) merupakan salah satu unsur untuk mendapat kuasa (kehormatan) dalam masyarakat. Seseorang 'orang' yang berilmu mesti menggunakan ilmunya dengan bijaksana supaya ilmu tersebut berguna dan menyumbangkan kepada orang lain dan masyarakat. Tetapi ilmu yang disalahgunakan tidak mendatangkan sebarang kebaikan atau keuntungan kepada sesiapa pun. Peribahasa 'bergurindam di tengah rimba' menyatakan ilmu yang

terbuang kerana tidak pandai digunakan. Dalam konteks ini nilai ilmu berkaitan rapat dengan nilai ekonomi, iaitu penggunaan ilmu pengetahuan dengan bijak.

( iii ) Nilai Kuasa - Nilai Estetik

Seseorang 'orang' yang berbudi mendapat kehormatan orang lain kerana sifat baik itu. Peribahasa 'bagaimana aku tak ingat, orang baik hati budinya' menyatakan bahawa budi mendatangkan kehormatan kepada pelaku kerana nilai Melayu sangat menyanjung tinggi budi seseorang. Lantaran itu nilai estetik (budi) boleh dikatakan bersangkut paut dengan nilai kuasa kerana budi mendatangkan kehormatan masyarakat kepada orang yang berbudi.

( iv ) Nilai Perpaduan - Nilai Agama - Nilai Estetik

Seseorang 'orang' mesti menjaga tingkah lakunya supaya tidak menjelaskan suasana baik dalam masyarakatnya. Lantaran itu seseorang yang tidak menjaga tingkah laku akan mendapat malu serta menjelaskan kemajuan masyarakat. Peribahasa 'seekor kerbau berkubang sekandang kena lubuknya' menggambarkan interaksi di antara nilai agama (maruah) dan nilai perpaduan tersebut. Selain itu, budi merupakan salah satu nilai estetik yang berpengaruh ke atas perpaduan masyarakat kerana anggota-anggotanya boleh mengeratkan hubungannya dengan budi ini. Peribahasa 'darah bukan daging pun bukan, sangkut sikit kerana budi' menunjukkan bahawa berapa pentingnya budi dalam hubungan baik di antara anggota-anggota masyarakat.

( v ) Nilai Estetik - Nilai Agama - Nilai Ilmu - Nilai Kuasa

Unsur budi adalah sangat penting bagi seseorang 'orang' untuk dia menjaga nama sebagai 'orang' dan juga menjaga maruah. Peribahasa 'hilang bini

boleh dicari, hilang budi badan celaka' menunjukkan pentingnya budi untuk menjaga maruah. Oleh itu, nilai estetik (budi) berkaitan dengan nilai agama (maruah). Seseorang 'orang' harus berbahasa dengan bijak supaya menjadi 'orang'. Peribahasa 'melangkah dengan pukal, berjalan dengan tawakal, bercakap dengan akal' menyatakan bahawa seseorang 'orang' hendaklah berakal dan bijaksana apabila bercakap sesuatu. Dalam konteks ini, nilai estetik (bahasa) berhubungan dengan nilai ilmu (berakal dan bijaksana). 'Orang' yang bersopan santun patut dihormati oleh orang lain. Peribahasa 'bawa rasmi padi, semakin berisi makin menunduk, jangan bawa rasmi jagung (lalang), makin berisi makin jagung' menyatakan sikap bersopan santun seseorang 'orang'. Lantaran itu, nilai estetik (sopan santun) berpengaruh ke atas nilai kuasa (kehormatan).

#### ( vi ) Nilai Agama - Nilai Perpaduan

Seseorang yang beriman adalah berpandangan luas terhadap sikap orang lain kerana dia menyedari bahawa manusia adalah makhluk yang tidak sempurna. Oleh itu, dia memaafkan kesalahan orang lain. Peribahasa 'cik Minah memakai merjan, disinar api cahaya gemerlap, dunia ini, bumi mana tak kena hujan, manusia mana tak buat silap' menyatakan fikiran orang yang beriman tersebut. Sikap sedemikian mendatangkan perikemanusiaan dan perpaduan kepada masyarakat. Oleh itu, nilai agama (beriman) ini menyumbangkan kepada perpaduan masyarakat.

Berdasarkan interaksi dan hubungan yang saling lengkap melengkapi di antara nilai-nilai tersebut, didapati bahawa nilai ilmu, kuasa dan ekonomi merupakan kaedah (atau means) yang menyokong nilai agama, perpaduan dan estetik supaya seseorang individu mencapai tahap 'orang'. Sementara nilai-nilai yang diutamakan dalam nilai-an terhadap seseorang inividu adalah nilai agama, perpaduan dan estetik kerana nilai-nilai ini merupakan bukan sahaja syarat untuk

menjadi 'orang' tetapi juga merupakan matlamat hidup seseorang yang ingin 'jadi orang'.

#### Nota

---

<sup>1</sup> Perkataan 'makrifat' berasal dari bahasa Arab dan membawa makna 'pengetahuan yang tinggi' .